

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN KETUJUH

Seventh Parliament

PENGGAL KEEMPAT

Fourth Session

Jilid IV

Bil. 4 Hari Khamis

22hb Mac, 1990

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang—undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) (Ruangan 36)

Rang Undang—undang Pilihanraya (Pindaan) (Ruangan 82)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 22hb Mac, 1990

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D 0 A

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

KES AMOK

1. **Dr. Ng Khok Kiung** minta Menteri Kesihatan menyatakan:
 - (a) apakah jumlah kes-kes amok yang telah berlaku setakat ini;
 - (b) sama ada penyelidikan telah dijalankan untuk memastikan landasan 'psychiatric' kes-kes amok; dan
 - (c) buat masa sekarang, sama ada kecukupan doktor penyakit jiwa (psychiatrist) di Malaysia.

Timbalan Menteri Kesihatan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Rekod-rekod pesakit di Kementerian Kesihatan tidak mengasingkan kes-kes amok dari penyakit-penyakit di bawah kumpulan penyakit-penyakit jiwa. Oleh yang demikian, Kementerian tidak dapat memberi angka yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun, penyakit-penyakit yang disenaraikan di bawah kumpulan penyakit jiwa adalah seperti berikut, dengan Izin:-

- (i) Senile and Presenile Organic Psychotic Conditions;
- (ii) Schizophrenic Psychosis;
- (iii) Effective Psychosis;

- (iv) Other Psychosis;
- (v) Neurotic and Personality Disorders;
- (vi) Alcohol Dependency Syndromes;
- (vii) Drug Dependence;
- (viii) Mental Retardation;
- (ix) Remainder of Mental Disorders.

"Amok" is a manifestation of stress or some underlying conditions such as Schizophrenic Psychosis, Effective Psychosis and Personality Disorders.

- (b) Kementerian telahpun menubuhkan satu Jawatankuasa Khas untuk, di antara lain, menyelidik sebab-sebab berlakunya kejadian amok dan cara-cara mengatasinya, Di antara ahli-ahli Jawatankuasa ini, telah pakar-pakar kanan sakit jiwa daripada Kementerian Kesihatan dan juga daripada universiti-universiti tempatan termasuk Universiti Kebangsaan Malaysia.
- (c) Pada masa ini Kementerian memerlukan lebih ramai lagi pakar sakit jiwa untuk berkhidmat dengannya dan kita mengaku bahawa pada ketika ini kita masih kekurangan pakar-pakar penyakit jiwa yang ada di Malaysia. Mungkin mengikut kadar yang ada kita menjangka bahawa mengikut ratio kita perlukan lebih kurang 200 iaitu untuk 1 'psychiatrist' atau pakar sakit jiwa kepada 90,000 orang rakyat. Masa ini kita hanya ada lebih kurang 9 orang sahaja di Kementerian Kesihatan dan dalam private sector dan juga di universiti ada 40 orang, jumlahnya ada 49. Jadi, tentu sekali ramai yang masih lagi kurang.

LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN DI JABATAN PERTANIAN

2. **Tuan Shuib bin Endut** minta Menteri Pertanian menyatakan tentang latihan lanjutan atau latihan dalam perkhidmatan Pegawai-pegawai Pertanian. Apakah Kementerian Pertanian sudah mengorak langkah untuk menjalinkan hubungan latihan kerjasama teknikal dan penyelidikan dengan Thailand.

Timbalan Menteri Pertanian [Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed]: Tuan Yang di-Pertua, Pegawai-pegawai Pertanian di Jabatan Pertanian adalah diberi latihan dalam perkhidmatan yang diadakan dalam negeri dan luar negeri. Di dalam negeri latihan dikendalikan di tiga buah pusat, iaitu:-

- (i) Institut Latihan Pengembangan Pertanian (ILPP) di Serdang, Selangor;
- (ii) Pusat Latihan Pengerabangan Pertanian (PLPP) di Teluk Chengai, Kedah; dan
- (iii) Pusat Latihan Pengembangan Pertanian (PLPP) di Air Hitam, Johor.

Selain daripada pusat latihan pertanian tersebut, Pegawai-pegawai Pertanian juga mengikuti latihan di MARDI, INTAN, IPTAR dan Pusat Islam. Pegawai-pegawai Pertanian juga mendapat latihan di luar negeri yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan atau badan-badan serantau dan antarabangsa.

Mengenai hubungan latihan kerjasama teknikal dan penyelidikan dengan Thailand, Kementerian Pertanian memang mempunyai hubungan kerjasama Teknikal dan Penyelidikan dengan negeri Thai sejak tahun 1979 lagi apabila ditandatangani Perjanjian Kerjasama Pertanian di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Negeri Thai. Di bawah perjanjian tersebut, empat Jawatankuasa Kecil telah ditubuhkan, iaitu:-

- (i) Jawatankuasa Kecil Perikanan;
- (ii) Jawatankuasa Kecil Ternakan;
- (iii) Jawatankuasa Kecil Kultura Kebunan; dan
- (iv) Jawatankuasa Kecil Parit dan Saliran.

Di antara aktiviti-aktiviti Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil tersebut adalah pertukaran lawatan dan latihan. Sehubungan dengan aktiviti-aktiviti pertukaran lawatan dan latihan, sehingga kini seraraai 127 orang pegawai dari Kementerian Pertanian dan juga Jabatan atau agensi di bawahnya telah mengadakan lawatan ke negeri Thai dan juga mengikuti kursus-kursus jangka pendek dan jangka panjang di negeri Thai, Malaysia juga telah raenerima raraai pegawai-pegawai pertanian dari negeri Thai untuk mengikuti kursus yang seumpamanya di bawah program Kerjasama Teknikal ini.

Program pertukaran lawatan dan latihan ini didapati sangat berfaedah kepada kedua-dua negara dan akan diteruskan. Pada tahun ini Malaysia bercadang untuk mengadakan 8 program lawatan bagi pegawai-pegawai dari agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian dan 5 lawatan untuk Ketua-ketua Kumpulan Tani dan Belia. Negeri Thai pula telah mencadangkan sebanyak 24 lawatan pada tahun ini.

Tuan Haji Ibrahim bin Jendol: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sama ada Kementerian bersetuju dengan pandangan saya ataupun tidak bahawa dalam bidang penyelidikan pertanian, negeri Thai adalah lebih maju daripada negara kita. Kalau ini betul, sudahkah Kementerian membuat kajian tentang apakah sebab-sebabnya, adakah disebabkan peruntukan yang kecil atau kurang daripada apa yang dlberikan oleh negeri Thai, ataupun disebabkan oleh bilangan pegawai-pegawai penyelidik pertanian itu kurang daripada yang terdapat di negara Thai?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjelaskan dalam Dewan yang mulia ini bahawa sebab-sebab atau faktor-faktor yang boleh diperkatakan kita terkebelakang sedikit dari segi penyelidikan daripada Thailand ialah kerana kita baru sahaja mula penyelidikan ini.

MARDI kieu ditubukan pada tahun 1989 dan ia bertungsi pada tahun 1973. Mulai daripada tarikh, itulah kita menjalankan kegiatan penyelidikan dengan pesatnya sehingga pada hari ini kita boleh berbangga dan berbagai-bagai teknologi baru yang kita dapat kemukakan ataupun dapat kita tonjolkan kepada rakyat jelata. Dan pada hari ini suka juga saya mengatakan dari segi betik umpamanya kita mengatasi Thailand, betik eksotika kita merupakan satu jenis buah-buahan yang sukar disaingi oleh negara-negara lain termasuk Thailand sendiri. Begitu juga belimbing, belimbing yang berjenis B17 dan BIO merupakan satu teknologi baru yang juga sukar disaingi oleh negara-negara lain dan kedua-dua ini boleh dikatakan membawa satu unsur kewangan yang banyak kepada negara kita. Jadi, sarak saya nyatakan di sini bahawa bukanlah soal kita begitu kebelakang. Ada setengah-tengah perkara kita terkebelakang, terkebelakang itu kerana kita baru mula.

Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Pertanian bercadang untuk menempatkan pegawai-pegawai yang mendapat latihan di jajahan-jajahan dan bergiat bersama-sama dengan petani-petani, mudahan-mudahan apa yang dipelajari dapat dipraktikkan?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi tugas harian kita pada hari ini. Pegawai pembangunan kita berada di segenap jajahan dan mereka inilah yang akan menjalankan kegiatan-kegiatan memberi pertolongan kepada petani-petani kita dan pegawai ini selalu dipertingkatkan dari segi kebolehan mereka. Oleh sebab itulah kita menghantar mereka ini untuk mendapat latihan bukan sahaja-dalam negeri tetapi juga di luar negeri. Sampai kita hantar-kan ke negeri-negeri, seumpamanya Netherlands, untuk "seed technology", di Jerman untuk "pesticide", dengan izin, di United Kingdom untuk "food handling", di Turki untuk "soil conservation", di Egypt untuk pengerabangan, di Taiwan untuk sayur-sayuran, di Jepun untuk mekanisasi pertanian, di Bangladesh untuk pengembangan dan juga di Sweden untuk "seed technology". Jadi, kita menghantar mereka ini ke luar negeri untuk mereka mencari sebanyak mana yang boleh pengalaman dan pengetahuan bagi dipergunakan di negara kita sendiri. Agar pertanian kita akan menjadi satu perusahaan industri yang benar-benar pada tahap yang boleh dikatakan tinggi,

HARTA TAHAH - KENAIKAN

3, **Tuan Tan Chai Ho** minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan akan diambil berikutan kenaikan harga harta yang dikuasai oleh orang asing. Sebagaimana yang kita ketahui, kenaikan harga harta ini telah menyusahkan rakyat tempatan untuk membeli harta orang asing ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk mengambil apa-apa tindakan terhadap kenaikan harga tanah yang terdapat pada masa ini atas sebab-sebab berikut:

- (i) kenaikan itu disebabkan oleh beberapa faktor di mana pembelian untuk kepentingan-kepentingan asing hanya merupakan salah satu daripadanya;
- (ii) kenaikan itu telah dapat memperbaiki prestasi kewangan beberapa syarikat pembeli harta tanah yang menghadapi keadaan kewangan yang tenat;
- (iii) perolehan-perolehan tanah atau harta tanah oleh kepentingan asing yang dibenarkan oleh Kerajaan adalah merupakan pelaburan-pelaburan jangka panjang mereka;
- (iv) sebahagian besar perolehan tanah dan harta tanah yang dilakukan oleh kepentingan asing adalah untuk projek-projek yang digalakkan oleh Kerajaan seperti pembinaan hotel-hotel dan projek-projek pelancongan, dan oleh itu akan meraberi sumbangan terhadap pembangunan ekonomi negara yang lebih pesat;
- (v) Kerajaan berpendapat bahawa kenaikan harga tanah yang dialami sekarang adalah sederhana dan munasabah dan selari dengan pembangunan yang pesat yang dialami pada masa ini.

Oleh sebab-sebab di atas, kenaikan harga tanah dan harta tanah yang terdapat sekarang tidak menyusahkan rakyat bahkan ia akan memberi manfaat kepada rakyat melalui pembangunan ekonomi negara yang lebih pesat. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan sentiasa mengawasi perolehan-perolehan tanah dan harta tanah oleh kepentingan-kepentingan asing bagi memastikan bahawa perolehan-perolehan itu membawa faedah kepada rakyat dan tidak sekali-kali menyusahkan.

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan jumlah nilai harta yang diperolehi oleh orang asing?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Salaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai maklumat. Saya minta dituliskan secara bertulislah. Silakan cara bertulis.

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada Jabatan Perdana Menteri apakah rationale lain selain daripada pertimbangan ekonomi dan business sepertimana yang disebutkan tadi yang mendorongkan Kerajaan mengamalkan dasar yang begitu liberal mengenai pemilikan harta tanah di dalam negeri kita. Sedangkan kita tahu dalam jangka masa yang panjang, ini ada implikasi-ianplikasi sebaliknya yang mungkin menyulitkan kita hendak membeli balik tanah-tanah tersebut.

Dato' Dr. Siti Eaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah memaklumkan bahawa Kerajaan tidak membenarkan pihak asing membeli dengan sewenang-wenangnya kecuali bersebab seperti pertamanya mengikut daripada perketnbanagan dasar yang kita sudah sedia maklum. untuk memesatkan usaha meningkatkan pelancongan. Pihak Kabinet telah. membuat keputusan untuk membenarkan pihak asing yang biasanya mempunyai modal yang besar untuk memperolehi harta tanah bagi membina atas tujuan-tujuan seperti yang telah ditetapkan dan telah dipersetujui oleh Kerajaan seperti hotel-hotel ataupun tempat-tempat pelancongan yang telah ditentukan peratusan hakmilik dan juga ditentukan hak pemilikan. Seperti bagi tujuan-tujuan ini, Kerajaan telah manutuskan untuk memberi pemilikan hakmilik 100% tetapi dihadkan kepada 5 tahun seumpamanya.

Untuk kegunaan bagi persendirian kerana kita menggalakkan pelaburan daripada pihak asing, kita membenarkan jaga hakmilik 100% dan untuk kegunaan seterusnya kerana ini adalah untuk kegunaan bagi sumbangan pembangunan ekonomi. Dan seperti yang saya telah katakan bahawa kita membenarkan pihak asing memperolehi dengan syarat-syarat tertentu supaya tidak lebih daripada 30%, Kalau pon lebih daripada 30%, itu mestilah bersebabkan kerana syarikat-syarikat yang mempunyai harta tanah itu menghadapi masalah dan kesukaran untuk menjualkan harta tanah itu. Dan itu pun dikenakan juga syarat-syarat seperti apakah kegunaan yang akan digunakan oleh pihak-pihak asing yang ingin memilik harta tanah itu dan juga dengan syarat-syarat yang telah dipersetujui.

MOGOK SENI OLEH SASTERAWAN

4. Puan Hajjah Habidah binti Jasoh minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) kenapakah berlaku mogok seni oleh seseorang Sasterawan Negara dan bagaimanakah Kerajaan mengatasinya; dan
- (b) tidakkah perkara ini memberi gambaran kepada dunia mengenai Penalis-penulis dan Para Sasterawan di negara ini nampak semacam tertindas.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Leo Michael Tbyad]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) "Mogok Seni" yang dilancarkan oleh seorang Sasterawan Negara baru-baru ini, iaitu Encik A. Samad Said berlaku disebabkan sedikit kekeliruan yang timbul antara beliau dengan pihak Dewan Bahasa dan Pustaka berhubung dengan permohonan pendahuluan

pembayaran royalti bukunya. Walau bagaimanapun, hal ini telah dieksploitasikan oleh beberapa pihak sehingga kelihatan masalah ini nampaknya begitu besar. Pihak Dewan telah memberikan perhatian dan mengambil tindakan yang sewajarnya supaya hal seumpama ini tidak akan berulang lagi pada masa depan.

- (b) "Mogok Seni" tidak memberi gambaran yang buruk seolah-olah penulis dan sasterawan di negara kita ini, di Malaysia, ditindas kerana persoalan ini bukanlah satu gambaran yang menyeluruh tetapi lebih kepada persoalan peribadi. Ini amat difahami oleh para penulis sendiri. Malah Malaysialah di antara negara di dunia yang cukup banyak memberikan kemudahan dan penghargaan kepada penulis dan sasterawan.

Tuan Mustafar bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya rainta Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi keterangan apakah buruknya telah berlaku apabila seorang sahaja sasterawan negara ini mogok?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin nyatakan di aini ianya tidak memberi gambarati yang buruk sekali jika seorang penulis telah mogok tetapi seperti yang saya katakan tadi ianya telah diperbesar-besarkan dan soal ini boleh diatasi di peringkat Dewan Bahasa dan Pustaka dan pentadbiran sendiri.

Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian Pendidikan ataupun Dewan Bahasa dan Pustaka sendiri bagi tidak berulang lagi perkara ini dan juga atas peribadi penulis yang mogok ini?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian tidak dapat menjamin kalau soal atau masalah peribadi kerana ini terpulanglah kepada seseorang yang terlibat di dalam bidang sastera ini. Tetapi kita ada menetapkan cara-cara untuk membayar royalti dan lain-lainnya. Misalnya setelah satu lesen perjanjian atau penerbitan dikeluarkan atau ditandatangani, memang bayarannya telah ditetapkan sebanyak 20%-dari jumlah anggarannya. Jadi, kuasa seperti ini adalah diluluskan di peringkat Ketua Pengarah dan soal pentadbiran ini dapat diselesaikan di peringkat pentadbiran sahaja. Soal peribadi itu raungkin satu antara lain tidak sama. Kita tidak dapat memastikan masalah-masalah peribadi yang akan timbul.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan satu soalan sahaja lagi. Sila Dato'.

Dato'Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah peranan dan tanggungjawab Kerajaan terhadap Hari Sastera yang dianjurkan oleh Utusan Melayu dan Public Bank pada tiap-tiap tahun?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat menyatakan di sini kita menetapkan satu saluran sahaja untuk kita menggalakkan penulisan atau sasterawan di negara kita **ini**. Kita pernah melihat banyak wadah atau dengan izinnya terapat di mana kita menggalakkan sasterawan-sasterawan dan penulis-penulis kita di peringkat remaja sampai ke peringkat dewasa. Kita memberikan galakan-galakan dan sokongan menerusi Kementerian khususnya Kementerian Pendidikan di mana buku-buku yang telah menerima penghargaan atau hadiah sasterawan, kita galakkan untuk digunakan sebagai buku-buku bacaan di peringkat sekolah dan di antara pelajar-pelajar kita. Sumbangan-sumbangan dari swasta adalah juga digalakkan oleh Kerajaan menerusi agensi-agensi yang tertentu, khususnya Dewan Bahasa dan Pustaka dan badan-badan seperti Public Bank dan lain-lainnya.

TELEFON DAN ELEKTRIK DI LUAR BANDAR - KEMUDAHAN

5. **Tuan V.K. Sellapan** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada kawasan-kawasan luar bandar khususnya kampung-kampung dan estet-estet akan menerima kemudahan-kemudahan awam seperti elektrik dan telefon. Ini adalah kerana pada masa sekarang hanya beberapa kawaaan luar bandar yang memiliki kemudahan-kemudahan tersebut.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Seri S. Samy Vellu]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini penetration, dengan izin, atau taburan kemudahan telefon di kawaaan luar bandar adalah 0.2% atau dua telefon bagi 100 orang penduduk. Ini bermakna banyak lagi perbelanjaan perlu diperuntukkan

bagi menyampaikan telefon kepada masyarakat luar bandar. Oleh yang demikian, pihak STM akan membelanjakan sebanyak \$1.4 ribu juta melalui Rancangan Malaysia Keenam nanti untuk meluaskan infrastruktur bekalan telefon ke luar bandar. Apabila dilaksanakan, pembekalan telefon ke rumah-rumah di luar bandar akan dapat dilaksanakan dengan senang.

Mengenai perabekalan pondok telefon awam di kawasan luar bandar, kos untuk mengadakannya adalah dianggarkan sebanyak \$14,500 sebuah telepon. Kementerian saya telah meminta Menteri Kewangan untuk memberi satu peruntukan khas bernilai \$10 juta bagi setiap tahun, dan juga bagi tabung 1990, sebagai tambahan kepada peruntukan STM, dengan jumlah yang sama, menjadikan \$20 juta bagi membekalkan pondok telefon awam di kawasan luar bandar. Saya berharap akan dapat meneruskan strategi pembekalan ini sehingga mencapai matlamat untuk menyediakan kemudahan telefon kepada seluruh rakyat luar bandar.

Pada masa sekarang pihak Kementerian dan STM sedang mengkaji secara menyeluruh keperluan perkhidmatan telefon di kawasan-kawasan luar bandar, termasuk kawasan-kawasan seperti Rancangan FELDA dan ladang-ladang yang terpencil di seluruh negara. Kajian ini melibatkan pengenalan bilangan penduduk luar bandar iaitu teknologi yang paling sesuai dan kos yang terlibat bagi melaksanakannya. Matlamat STM adalah untuk mengadakan sekurang-kurangnya sebuah telefon awam di setiap karapung dan ladang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kementerian dan STM membelanjakan lebih kurang \$60 juta atau purata \$2 juta setahun untuk menyediakan kemudahan telefon awam di kawasan luar bandar. Kerajaan sedar peruntukan sebanyak ini adalah kecil dan tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan telefon awam untuk rakyat luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, rancangan bekalan elektrik luar bandar telah dimulakan oleh Kerajaan pada tahun 1956 dan dijangka akan mencapai 80% liputan bekalan elektrik pada hujung tahun 1990. Di Semenanjung Malaysia, tahap liputan bekalan elektrik luar bandar ialah 90% dan mengikut unjuran keseluruhan kawasan di Semenanjung Malaysia akan menikmati bekalan elektrik pada tahun 1995. Adalah dijangka bahawa 52% kawasan-kawasan luar bandar di Sarawak dan 30% di negeri Sabah akan menikmati bekalan elektrik pada hujung tahun 1990.

Mengenai bekalan elektrik ke estet pula, LLN kini sedang mengenalpasti dan mengumpul data-data bagi estet-estet yang masih belum ada bekalan elektrik. Ini akan membolehkan Kerajaan membuat rancangan untuk membekalkan elektrik ke estet-estet.

Tuan V.K. Sellappan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri menyedari bahawa pengguna-pengguna kediaman ladang masih membayar 24 sen seunit dalam pengiraan perdagangan voltan rendah? Adakah cadangan untuk menyeragamkan kadar elektrik kepada semua pengguna-pengguna tarif kediaman bagi 100 unit pertama iaitu 20 sen seunit?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan tarif, Kementerian saya, serta dengan kerjasama LLN, sedang menjalankan beberapa kajian. Berkenaan dengan penurunan tarif bekalan elektrik ini ada dalam kajian sekarang tetapi kita belum mengambil tindakan. Untuk mengadakan satu tarif yang sama di kawasan-kawasan luar bandar, ini adalah satu subjek yang baru. Saya minta keterangan yang lebih lanjut daripada Ahli Yang Berhormat supaya saya boleh memberi satu jawapan bertulis.

Tuan Haji Ibrahim bin Jendol: Tuan Yang di-Pertua, setelah Dato' Seri memegang teraju kepimpinan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos lebih kurang setahun, sudahkah Dato' Seri Menteri membuat penilaian secara terperinci tentang baik-buruknya syarikat STM ataupun Telekom setelah diswastakan, dibandingkan dengan keadaan sebelum diswastakan dalam aspek perkhidmatan kepada rakyat jelata?

Baru-baru ini saya telah menerima komplek bahawa pegawai-pegawai STM sendiri jarang menghadiri mesyuarat-mesyuarat yang dipengeruakan oleh Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri di kawasan ADUN masing-masing. Sama ada perkara ini dapat disiasat oleh Kementerian ataupun tidak,

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, selepas saya mengambilalih Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, saya telah menjalankan beberapa kajian berkenaan dengan strategi untuk memperbaiki keadaan STM yang terdapat pada masa dahulu iaitu Jabatan Telekom. Saya boleh juga memberi akuan kepada Ahli Yang Berhormat

bahawa Keraenterian saya telah mengambil beberapa tindakan untuk memperbaiki keadaan STM. Saya percaya taraf sistem STM yang sedia ada sekarang ialah yang lebih baik daripada yang kita punyai pada masa dahulu. Saya percaya syarikat STM sebagai sebuah .syarikat yang telah dipegang oleh sebuah kopratasasi baru sahaja 3 tahun, saya percaya kita mesti memberi mereka masa yang lebih sedikit lagi untuk mendapat strategi baru dan untuk memperbaiki keadaan.

Berkenaan dengan soalan Ahli Yang Berhormat tadi iaitu mengenai pegawai-pegawai STM menghadiri mesyuarat-mesyuarat yang ditetapkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat **itu**, saya percaya ini tidak diarahkan oleh saya atau Kementerian saya.

Tetapi arahan daripada Kementerian dan juga STM iaitu tiap-tiap pegawai apabila ada mesyuarat di peringkat daerah iaitu Majlis Tindakan Daerah, tiap-tiap pegawai yang bertanggungjawab untuk STM di kawasan atau LLN mesti hadir ke mesyuarat itu dan jawab bagi pihak Kementerian dan juga Jabatan-jabatan berkenaan. yang raereka wakili. Jikalau ada apa-apa aduan berkenaan dengan tindakan atau kegiatan raereka, Kementerian saya boleh mengambil tindakan tetapi ada juga kadangkala Wakil-wakil Rakyat, Ahli Parlimen atau Senator suka mengadakan pegawai dalam mesyuarat yang mana mereka aturkan untuk mendengar daripada rakyat jelata. Kebenaran itu mesti didapati daripada Kementerian. Kementerian boleh juga memberi kebenaran kepada mereka jikalau mesyuarat itu boleh memberi faedah kepada rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua: Satu sahaja lagi. Yang Berhormat Dato' Azumu bin Tak.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan iaitu berkenaan dengan bekalan elektrik. Bolehkah agaknya Kerajaan menukar dasar terhadap pembekalan elektrik di kawasan-kawasan setingan (squatters) yang berhampiran dengan bandar dibekalkan juga elektrik untuk seraentara. Apabila kawasan itu hendak diambil balik maka bekalan itu bolehlah ditarik balik. Buat sementara ini, apa salahnya Kerajaan menukar dasar supaya kawasan seumpama itu diberi bekalan elektrik.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Letrik Negara tidak ada halangan untuk meitiberi bekalan elektrik kepada sesiapa pun boleh, jikalau mereka mendapat kebenaran daripada tuanpunya tanah. Itu yang pertama. Jikalau mereka menduduki sementara di tanah Kerajaan, mereka mesti

dapat kebenaran daripada Pejabat Daerah atau Pegawai Daerah. Jikalau Pegawai Daerah mengarahkan LLN jangan beri lampu elektrik kepada mereka, langsung tidak boleh dapat. Oleh kerana raraai di antara penduduk-penduduk, saya kasihan kepada mereka oleh kerana pada satu masa yang lalu saya pun duduk di rumah setingan juga. Hari ini nasib baik saya duduk di rumah yang lain. [Ketawa] Masalah-masalah itu saya tahu. Oleh kerana itu, perkara ini saya sudah cimbukau di dalam Jeraah Menteri beberapa kali. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengambil tindakan dan juga minta Yang Berhormat Menteri Pengangkutan untuk menimbang semula bolehkah kita memberi elektrik kepada penduduk-penduduk berhampiran landasan Keretapi Tanah Melayu. Itu yang pertama.

Yang kedua, jikalau ada juga rumah-rumah setingan yang lebih dari 5 atau 6 tahun tidak mempunyai lampu elektrik, jikalau Pegawai Daerah boleh memberi kebenaran dengan seterusnya saya boleh beri arahan kepada LLN untuk memberi lampu elektrik kepada mereka tetapi kos untuk raengadakan infrastruktur itu raesti dibayar oleh raeraka pada masa dahulu. Sekarang mereka bayar 50%, kita bayar 50%. Cukup? [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Saya kata satu sahaja lagi, Sila, Yang Berhormat Azman Atar.

Tuan Azman Atar bin Othman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya begitu berrainat untuk bersoal jawab dengan Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tadi Yang Berhormat menyebutkan kalau sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat ingin hendak mengadakan penerangan daripada pegawai-pegawai Telekom, bolehlah minta izin kepada Kementerian. Jadi, di lain kali kalau karai minta izin, Yang

Berhormat boleh beri? Cuma satu sahaja lagi saya hendak tanya, tadi Yang Berhormat menyebutkan Telekom lebih baik daripada masa dahulu. Adakah lebih baik ketika di bawah pimpinan Yang Berhormat Dato' Leo Moggie ataupun sebelura diswastakan? [Ketawa] Semasa zaman sebelum diswastakan, itu sahaja saya hendak tahu. [Ketawa]

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, Telekom ini lebih baik sekarang oleh kerana di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. [Tepuk] Oleh kerana beliauah seorang pemimpin yang suka mengadakan penswastakan di dalara tanahair kita. "Bapa Penswastakan" kepada tanah air kita ialah Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, walaupun pihak-pihak yang tertentu belum dapat keterangan atas **itu**, mereka condemn sahaja. Saya percaya generasi akan datang dalam tempoh 20 atau 30 tahun, barulah mereka mengisytiharkan apakah tindakan-tindakan telah diarabil oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad.

MAJLIS PERUNDINGAN EKONOMI NEGARA - KEMAJUAH

6. **Tuan C. Krishnan** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah MPEN menerima cadangan-cadangan daripada pertubuhan-pertubuhan masyarakat sosial dan perbadanan-perbadanan bersendirian. Jika ya, apakah cadangan itu dan adakah MPEN memberikan perhatian yang sewajarnya; dan
- (b) sejauh manakah hasil kemajuan dicapai oleh MPEN untuk menggubal Dasar Ekonomi Negara selepas 1990.

27.3.90

35. **Tuan V.K. Sellapan** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada pihak Unit Perancang Ekonorai di Jabatan Perdana Menteri akan mengkaji serta merumus laporan-laporan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Majlis Perundingan Ekonomi Negara,.(MPEN) akan digunakan dalam menggubal suatu dasar ekonomi yang baru.

28.3.90

10. **Tuan David Yeoh Eng Hock** minta Perdana Menteri menyatakan keberkesanan dan pentingnya peranan MPEN dan sumbangannya kepada dasar ekonomi nasional selepas 1990 sejak pembentukannya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Tuan C. Krishnan sekali gus dengan soalan-soalan daripada Yang Berhormat V. K. Sellapan untuk soalan pada 27 Mac 1990 dan Yang Berhormat Tuan David Yeoh Eng Hock untuk soalan pada 28 Mac 1990 memandangkan soalan-soalan yang dikemukakan oleh ketiga-tiga Yang Berhormat itu adalah menyentuh perkara yang sama, iaitu mengenai Majlis Perundingan Ekonomi Negara.

Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN) telah menerima cadangan-cadangan secara bertulis daripada orang-orang perseorangan dan pertubuhan-pertubuhan sosial yang tidak menjadi anggota MPEN. Kesemua cadangan tersebut dikumpul dan diberi kepada ahli-ahli Majlis untuk menjadi rujukan mereka. Sehingga kini, Majlis telah bersidang sebanyak 13 kali bagi mendengar dan membahas pandangan ahli-ahli. Majlis juga telah selesai membahaskan 6 buah laporan yang disediakan oleh Jawatankuasa-jawatankuasa Majlis iaitu:

- (1) Laporan Jawatankuasa Pengutipan Metodology dan Analisis Data;
- (2) Laporan Jawatankuasa Mengkaji Prestasi Perlaksanaan Dasar Pembasraian Kemiskinan;
- (3) Laporan Jawatankuasa Mengkaji Prestasi Perlaksanaan Dasar Penyusunan Semula Masyarakat;
- (4) Laporan Jawatankuasa Pembangunan Suraber Tenaga Manusia;
- (5) Laporan Jawatankuasa Ekonomi dan Perkembangan Antarabangsa; dan
- (6) Laporan Jawatankuasa Khas Mengenai Perpaduan Negara.

Pada peringkat ini, laporan Majlis ini akan mengambil kira semua isu dan pandangan yang terkandung di dalam laporan-laporan Jawatankuasa dan pandangan-pandangan ahli yang telah dibahaskan di dalam pleno sedang disediakan. Laporan itu dijangka akan dibincangkan dalam sidang Majlis pada pertengahan bulan April akan datang. Seterusnya laporan akhir MAPEN akan dikemukakan kepada Kerajaan setelah Malis berpuas hati dengannya.

Berhubung dengan soalan daripada Yang Berhormat Tuan V.K. Sellapan, ingin saya memaklumkan iaitu Unit Perancangan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri telah diberi tugas sebagai Urusetia kepada Majlis sepanjang masa ianya bersidang. Dalam hal ini, Majlis adalah juga dibantu oleh pakar-pakar rujuk yang terdiri daripada wakil-wakil Kernenterian.

Dalam menyediakan laporan-laporan dan rumusan-rumusan, Majlis adalah dibantu oleh 6 buah Jawatankuasa. Mengenai sejauh manakah pandangan-pandangan Majlis akan digunakan dalam penggubalan dasar ekonomi selepas tahun 1990, ianya akan diberi pertimbangan oleh Kerajaan apabila laporan Majlis diterima kelak.

Berhubung dengan soalan daripada Yang Berhormat Tuan David Yeoh Eng Hock, sebagaimana yang telah dinyatakan di Dewan yang mulia ini, Majlis ditubuhkan untuk menyediakan satu forum khas di mana rakyat dari berbagai latar belakang dan kepentingan berpeluang berbincang dan meneliti dengan mendalam dan meluas isu-isu berkaitan dengan pencapaian Dasar Ekonomi Baru dan mengemukakan pandangan mengenai Dasar Ekonomi selepas tahun 1990. Dengan demikian, tanggungjawab Majlis ternyata berat.

Kedudukan Majlis dan sumbangannya adalah jelas dan tidak perlu diragui lagi. Keberkesanan Majlis dalam memenuhi hasrat dan tugas yang telah diserahkan oleh Kerajaan terletak di tangan Majlis sendiri. Bagi pihak Kerajaan, laporan akhir yang akan dikemukakan oleh Majlis adalah penentu keberkesanan tersebut. Kerajaan akan menimbang laporan MAPEN dengan penuh tanggungjawab demi faedah setiap golongan rakyat di negara itii.

PENYAKIT KANSER

7. **Puan Law Jack Yoon** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) jumlah kes-kes kanser yang telah dilaporkan di Malaysia sejak 1985 hingga sekarang;
- (b) jumlah kes-kes kanser itu yang telah meninggal dunia; dan
- (c) apakah jenis penyakit kanser yang biasa dijumpai -
 - (i) di kalangan kaum lelaki; dan
 - (ii) di kalangan kaum wanita;
- (d) benarkah penyakit kanser masih mendahului sebagai penyakit nombor satu yang membawa maut; dan
- (e) apakah langkah-langkah yang diambil untuk menurunkan kadar kematian akibat diserang penyakit kanser.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) untuk makluman Yang Berhormat, jumlah kes-kes kanser yang telahpun dilaporkan di Malaysia sejak 1985 hingga 1988 ialah 90,889 kes.
- (b) Daripada jumlah di atas, sebanyak 7,979 pesakit telahpun meninggal dunia.
- (c) di kalangan kaum lelaki, kanser paru-paru mendahului lain-lain jenis kanser dan kanser paru-paru ini ada kaitan rapat (correlation) dengan tabiat merokok. Jenis kanser ini diikuti pula dengan kanser mulut, seterusnya kanser perut dan lain-lain lagi.. Walau bagaimanapun, di kalangan kaum wanita pula, kanser buah dada (breast cancer) mendahului lain-lain jenis kanser dan diikuti oleh kanser pangkal rahim (cervic) dan seterusnya kanser mulut, kanser perut, kanser paru-paru dan lain-lainnya.

- (d) untuk menyatakan bahawa penyakit kanser sebagai penyakit nombor satu yang menyebabkan maut adalah kurang tepat. Daripada data-data yang telahpun dikumpulkan pada tahun 1988, penyakit kardiovaskular ataupun yang berkaitan dengan jantung masih mendahului lain-lain penyakit sebagai penyebab utama kematian di Malaysia, Bagi tahun yang sama penyakit kanser adalah penyebab kematian yang keempat.
- (e) beberapa langkah telahpun diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk menurunkan kadar kematian akibat penyakit kanser. Antaranya ialah:
- (i) mempertingkatkan aktiviti-aktiviti pelajaran kesihatan di mana masyarakat didedahkan kepada akibat buruk merokok dan juga cara-cara mengelakkan kanser terutama melalui pemeriksaan sendiri buah dada.
Sebenarnya Kerajaan telahpun mengeluarkan beberapa risalah-risalah tertentu yang menunjukkan cara mudah untuk seseorang perempuan membuat self-examination tentang ada atau tidaknya penyakit kanser dalam buah dadanya.
 - (ii) menyediakan perkhidmatan saringan kanser pangkal rahim ataupun ujian pap smear yang juga mudah. Perkhidmatan ini diintegrasikan ke dalam aktiviti-aktiviti Kesihatan Ibu dan Kanak-kanak.

- (iii) Kementeriarr juga memperbaiki aistem rujukan pesakit kanser dan rawatan di semua hospital-hospital Kerajaan. Pihak Kerajaan mempunyai rancangan untuk mengadakan sistem disentralisasi pusat-pusat rujukan meliputi kawasan-kawasan tertentu dan penempatan pusat-pusat ini dicadangkan di Kota Kinabalu, Johor Bahru ataupun Kuala Terengganu.

Dan akhir sekali,

- (iv) mewujudkan satu sistem pendaEtaran semua penyakit kanser bagi seluruh negara untuk mempertingkatkan pengesanan dan seterusnya merancang aktiviti-aktiviti pencegahan dan kawalan penyakit-penyakit.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan juga telahpun menyediakan alat-alat moden untuk menhadapi sebarang, dengan izin, complication jika timbul dari segi penyakit ini.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Puan Law Jack Yoon dahulu yang membawa soalan asal.

Puan Law Jack Yoon: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ada dua soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, sehingga sekarang berapakah jumlah wanita-wanita yang menghadapi penyakit-penyakit puan seperti berdarah terlalu banyak, dengan izin, fibroid ataupun polyp yang telah menjalani pembedahan hysterotomy, berapa banyak kes ini?

Yarig kedua, berapakah jumlah kes-kes hysterototny itu adalah merbahaya atau mempunyai kanser?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Law Jack Yoon ingat saya ini doktor. Walau bagaimanapun soalan itu agak teknikal sedikit tetapi jika sekiranya apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu ada kaitan dengan kanser, saya harap Yang Berhormat dapat membuat satu pertanyaan bertulis sebab saya terpaksa merujuknya kepada pakar-pakar tertentu, dengan Izin, I am obliged to refer to our pakar sebab I might not be able to give you technical answer. Walau bagaimanapun, jika sekiranya apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu benar, maka kita akan mengambil sebarang langkah yang mungkin untuk menentukan bahawa kaitan tersebut boleh dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin.

Puan Ainon binti Ariffin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya dua. Sebelum ini saya mengucapkan tahniah di atas kebijaksanaan Timbalan Menteri menjawab soalan-soalan yang banyak menggunakan hal ehwal teknikal termasuklah mengenai kanser buah dada tadi.

Soalan tambahan- saya yang pertama ialah mengenai mesin radio-therapy. Apakah mesin-mesin yang ditempah setahun yang lalu telah sampai kerana di Hospital Besar Kuala Lumpur amat kekurangan dengan mesin radio-therapy yang menyebabkan mungkin yang mati dalam jumlah 7,979 orang tadi disebabkan rawatan yang tidak dapat diatur dengan rapi.

Yang kedua, mengenai Pakar Sakitpuan di kalangan wanita. Setahu saya sekarang ini di General Hospital ada seorang sahaja. Adakah Kementerian bercadang hendak menambah Pakar-pakar Sakitpuan dari kalangan wanita dalam jangka masa yang pendek memandangkan keperluan yang begitu mendesak?

Tuan Mohamad Farid bin Ariffin: Terima kasih. Tuan Yang

di-Pertua, sebenarnya mesin yang disebutkan oleh Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin itu sudahpun tiba, dan jika sekiranya Yang Berhorraat sudi untuk raelawat hospital, saya sendiri akan membawa Yang Berhormat untuk menunjukkannya .

Yang kedua, Pakar Sakitpuan. Kita mengaku bahawa terdapat kekurangan Pakar Sakitpuan bukan sahaja di Hospital Besar, tetapi juga di seluruh negara. Kadang-kadang timbul raasalah adakan Pakar Sakitpuan itu mesti terdiri daripada seorang perempuan ataupun Pakar Sakitpuan itu mesti pakar sahaja, tidak kira dia terdiri daripada seorang lelaki ataupun perempuan. Tetapi akhir-akhir ini kita dapati bahawa beberpa orang tertentu merasai adalah lebih baik seorang Pakar Sakitpuan itu mesti terdiri daripada seorang perempuan, Tetapi ingin dimaklumkan Pakar Sakitpuan yang terbaik di Malaysia ialah seorang lelaki'. Jadi, yang penting di sini bukan kerana seksnya, tetapi oleh kerana kepakarannya. Oleh . kerana itu maka kita bersedia untuk mengambil pakar-pakar sedetnikian daripada luar negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Brhormat, Menteri Kesihatan sendiri hari ini telahpun memulakan lawatanriya ke India untuk menentukan bahawa universi.ti-universi.ti di India menentukan beberapa tempat untuk pelajar-pelajar kita di sini, sebagai tambahan kepada terapat-tempat yang ada di universiti-universiti Malaysia bertambah dengan 10%, bermakna sekarang planning kita ialah untuk mengadakan pakar-pakar ini 'according to the needs' dengan izin, bukan "according to the situation available'. Oleh kerana itu kita menjangka pada tahun 2,000 insya Allah, kita akan dapat pakar yang lebih, walaupun kita

rasa tidak cukup tetapi lebih. Tetapi ini adalah disebabkan oleh expectation lebih meningkat, sebab orang ramai sekarang ini meminta supaya pakar-pakar lebih ditempatkan di tempat-tempat tertentu, sampaikan di kawasan-kawasan pendalaman pun mereka meminta supaya pakar-pakar tertentu diadakan. Walau bagaimanapun, insya Allah, kalau sekiranya terus Kerajaan ini berkuasa, insya Allah, perkara-perkara ini perkara-perkara ini akan ditentukan, **[Tepuk]**

CUKAI PENDAPATAN

8. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol minta Menteri Kewangan menyatakan bilangan rakyat Malaysia berada di luar negara yang enggan menjelaskan cukai pendapatan mereka kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri. Nyatakan jumlah cukai yang tidak dijelaskan. Apakah tindakan Kerajaan bagi memaksa mereka menjelaskan cukai tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, maklumat mengenai bilangan rakyat Malaysia berada di luar negara yang enggan menjelaskan cukai pendapatan mereka kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri tidak diketahui. Ini adalah kerana maklumat mengenai rakyat Malaysia yang berada di luar negara adalah kurang lengkap. Tambahan lagi bilangan fail bagi pembayar cukai adalah besar, sebarang tunggakan adalah dihitungkan bersama tanpa mengambil kira sama ada mereka berada di dalam atau di luar negeri. Oleh yang demikian jumlah cukai yang tidak dijelaskan pun tidak ada.

Bagi mereka yang belum menjelaskan cukai dan diketahui bahawa akan meninggalkan negara ini, Jabatan Hasil Dalam Negeri akan menggunakan kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta Cukai Pendapatan, 1967 memberitahu pihak Jabatan Imigresen untuk menahan mereka berlepas dari Malaysia sehingga cukai telah dijelaskan. Semua

pembayar cukai sama ada rakyat Malaysia atau negara asing, jika ada cukai yang belum dijelaskan dan mereka balik ke Malaysia, Jabatan Imigresen juga akan menahan mereka keluar ke negara lain lagi sehingga cukai mereka telah dibayar.

Tuan Yang di-Pertua, majikan adalah wajib memberitahu pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri jika ada pekerja yang akan meninggalkan Malaysia melebihi tiga bulan. Di samping itu, majikan adalah perlu memegang gaji atau bayaran lain yang kena dibayar kepada pekerja itu untuk menjelaskan cukai mereka.

Jika majikan gagal berbuat demikian, ia akan bertanggungjawab menjelaskan cukai pekerja yang telah meninggalkan negara kita ini.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu bolehkah Kementerian kita menimban. gkan untuk menggubalkan satu Rang Undang-undang untuk tnerampas harta rakyat Malaysia yang berada di luar negeri yang enggan menjelaskan cukai sepertimana yang kita ada Rang Undang-undang Dadah.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini Kerajaan tidak bercadang untuk berbuat demikian.

Tuan Tan Chai Ho; Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhorrnat Timbalan Menteri menyatakan berapa jumlah cukai pendapatan yang tidak dapat dikutip oleh Kerajaan pada tempoh tiga tahun lepas dan pernahkah ada banyak syarikat besar atau yang beruntung besar tidak hendak menjelaskan cukai pendapatan. Kalau benar, bolehkah Yang Berhormat sebutkan nama-nama syarikat itu.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan tambahan yang pertaraa, saya tidak mempunyai maklumat yang berkenaan seperti apa yang dikehendaki oleh Ahli Yatig Berhormat itu. Walau bagaimanapun, saya akan jawab atau Kementerian saya akan jawab secara bertulis.

Untuk menjawab bahagian kedua, memanglah ada beberapa syarikat di dalam negara kita ini yang tidak membayar cukai pendapatan yang sepatutnya. Kementerian Kewangan khasnya Jabatan Hasil Dalam Negeri telah mengambil tindakan yang keras sekali atas mereka dan denda-denda akan dikenakan apabila mereka tidak membayar cukai

pendapatan. Walau bagaimanapun, saya tidak boleh memberitahu Dewan yang mulia ini pada ketika ini nama-nama syarikat yang berkenaan.

KESELAMATAN DI SEKOLAH-SEKOLAH

9. Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah tindakan Kerajaan setelah menerima laporan penuh daripada siasatan Suruhanjaya DiRaja mengenai keselamatan sekolah-sekolah di Malaysia di atas tragedi kebakaran Sekolah Agama Taufikiah Khairiah Padang Luraat di Negeri Kedah Darulaman; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk mengambilalih pentadbiran sekolah Agama/Arab persendirian seperti sekolah Kerajaan,

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya DiRaja yang ditubuhkan untuk menyiasat tragedi kebakaran asrama Sekolah Agama Taufikiah Khairiah Al-Halmiab di Padang Lumat, Kedah masih lagi metijalankan penyiasatan mereka. Hingga kini laporan mengenainya belum lagi dikeluarkan. Hanya setelah laporan itu disiapkan, disampaikan serta dikajikan oleh Kementerian Pendidikan, barulah Kementerian Pendidikan dapat menetapkan tindakan-tindakan yang perlu dijalankan.

Kementerian Pendidikan sedia menimbangkan soal mengambilalih sekolah-sekolah agaraa persendirian sekiranya ada permohonan rasmi dibuat oleh sekolah-sekolah berkenaan. Walau bagaimanapun, pada masa kini Kementerian Pendidikan ada memberikan beberapa bantuan

kepada sekolah-sekolah agaraa ini seperti bantuan kewangan untuk pembangunan. sekolah dan asrama, pinjaman buku teks dan bantuan kewangan. berdasarkati bilangan murid serta bantuan guru agama dan akademik.

BUDAYA MALAYSIA DI LUAR NEGERI

10. Tuan K. Sivalingam minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongart menyatakan apakah rancangan yang telah diarabil oleh Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan dalam perkembangan budaya negara kita di luar negeri setakat ini dan apakah kraftangan negara kita juga diparaerkan. Sejauh manakah sambutannya di luar negeri.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan

[Tuan Abdul Raman bia Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, dalam memperkenalkan serta meraperkenibangkan budaya Malaysta khususnya kesenian di luar negeri, Kementerian mengadakan program penghantaran rombongan-rombongan kebudayaan bagi mengadakan persembahan dan demonstrasi terutamanya dalam festival-festival antarabangsa. Program ini dijalankan melalui aktiviti promosi pelancongan dan juga melalui program pertukaran kebudayaan antarabangsa.

Di dalam paraeran-pameran yang diadakan, kraftangan Malaysia semanangnya menjadi sebahagian barang paraeran. Setakat ini sambutan yang diperolehi adalah menggalakkan.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Kementerian ini harus diberi kepujian kerana usaha-usaha yang dilakukan melalui pelancongan dari segi memperkenalkan budaya Malaysia di luar negeri dan salah satu daripada cara yang saya rasa menarik hati ialah usaha raenggunakan, ataupunmenyalurkan pengenalan budaya Malaysia ini, melalui penuntut-penuntut. Ada satu rancangan

khas yang dibuat oleh Keraenterian ini di mana penuntut-penuntut kita di luar negeri dijadikan. sebagai Duta-duta dari segi memperkenalkan. Saya iagin tahu setakat ini bagaimana perkembangan program ini.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Mazidah binti Haji Zakaria yang telah memberikan ucapan terima kasih kepada Kementerian ini.

Untuk makluman Yang Berhorraat, iaitu memang benar bahawa Kementerian ini telahpun bukan sahaja memberi kerjasama kepada pihak persatuan-persatuan penuntut di luar negeri, tetapi kita juga telah membekalkan atau Kerajaan juga telah membekalkan sejumlah kewangan bagi memastikan barang-barang kesenian serta peralatan-peralatan yang perlu dikehendaki oleh pinak penuntut untuk digunakan sebagai pameran di luar negara dan kita menggunakan dua saluran, iaitu raelalui Jabatan Penuntut di luar negeri dan juga melalui Kedutaan-kedutaan kita di luar negeri.

Setakat ini meraang amat menggalakkan, sebab Persatuan-persatuan Penuntut kita di luar negeri telah menggunakan kemudahan-kemudahan ini terutamanya di musim-musim perayaan universiti-universiti yang mana disertai oleh penuntut-penuntut negara kita dan insya Allah, Kementerian akan terus memberi kerjasama kepada pihak Persatuan-persatuan Penuntut di luar negeri.

WAKIL POS DI KAMPUNG/ESTET

11. Tuan P. Balam minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bahawa adakah Kerajaan bercadang mewujudkan Agensi-agensi Pos di tiap-tiap kampung dan estet-estet yang besar di mana ramai penduduknya.

Dato Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluraan Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya memang raempunyai rancangan tertentu dalam mewujudkan sesebuah agensi postal atau wakil pos, atau postal agency, dengan isin, di sesebuah kawasan itu, termasuk di kampung-kampung dan juga di ladang-ladang.

Di dalam usaha untuk meluaskan lagi rangkaian kemudahan pos di seluruh negara, di samping raewujudkan pejabat-pejabat pos, pos mini dan pos bergerak dengan secara yang raeraadai, cekap dan mempunyai kos yang berkesan, agensi-agensi pos diwujudkan bagi rnencapai matlamat jangka panjang yang telah dirancang.

Di bawah Rancangan Malaysia Kelima yang sedang berjalan sekarang dan di bawah Rancangan Malaysia Keenam, iaitu dalam tahun 1991 hingga 1995 yang akan datang, matlamat jangka panjang mewujudkan agensi pos telah ditetapkan seperti berikut:-

Mengadakan agensi pos atau wakil pos, atau postal agency, dengan izin, bagi setiap kawasan yang mempunyai penduduk tidak kurang daripada 1,000 orang.

Faktor jumlah bilangan penduduk yang ramai adalah penting dalam mewujudkan agensi-agensi pos di sesebuah kawasan agar lebih ramai pengguna perkhidmatan pos dapat menikmati kemudahan yang disediakan.

Tuan P. Balaram: Soalan tambahan. Apakah syarat-syarat yang dikehendaki untuk menubuhkan pejabat pos mini?

Dato Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhorraat sedia maklum, syarat tadi baru sahaja saya jelaskan. Jikalau ada juga bilangan yang raencukupi, kita boleh raemberi kebenaran untuk mengadakan postal agency atau pos mini. Jikalau tidak, tidak bolehlah.

MASALAH LALULINTAS DI BANDAR BUTTERWORTH

12. **Dr. Tan Chong Keng** minta Menteri Kerjaraya menyatakan apakah rancangan Kementeriannya untuk mengatasi masalah lalulintas yang sentiasa sesak di bandar-bandar Butterworth, Bukit Mertajain kerana kelemahan sistera jalan dan lalulintas yang ada sekarang.

Menteri Kerjaraya [Dato' Leo Moggie anak Irok]: Tuan Yang di-Pertua, untuk tngatasi masalah kesesakan di bandar Butterworth, Keraenterian Kerja Rayatelah mencadangkan pembinaan jalan lingkaran luar (outer ring-road) di dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam. Selain daripada itu, rangkaian jalanraya Timur-Barat, iaitu Kulim-Bueterworth dan juga lebuhraya Utara-Selatan, yang mana sedang dalam pelaksanaan yang melalui bandar Butterworth, dijangka dapat mengurangkan Lagi kesesakan tersebut. Dengan cadangan ini, di samping rangkaian jalanraya yang sedia ada dan yang di dalam peringkat pelaksanaan, Kementerian percaya masalah lalulintas di Butterworth akan dapat dikurangkan.

Mengenai kesesakan lalulintas di Bukit Mertajam pula, walaupun belum ada rancangan yang tepat untuk menentukan apakah tindakan perlu diambil, bahagian ini juga telah diambil perhatian oleh Kementerian Kerjaraya.

Dr. Tan Chong Keng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apabila orang ramai bertanya Jabatan Kerjaraya di Bukit Mertajam berkenaan dengan masalah jalan Kulimyang terlalu sempit, pegawai-pegawai sana selalu katakan ada rancangan dalam Rancangan Malaysia Kelima untuk melebarkan jalan tersebut, tetapi Rancangan Malaysia

Kelima sudah dekat hujung penggalnya, belutn lagi nampak rancangan itu dijalankan. Bolehkah saya minta Yang Berhormat Menteri menjelaskan?

Dato' Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat itu mungkin menyentuhkan laluan dari Kulim ke Butterworth sendiri. Sebenarnya laluan ini memang telah diluluskan untuk pembinaannya dalam Rancangan Malaysia Kelima. Walau bagaimanapun, tindakan sekarang ialah dalam peringkat untuk mengambil alih tanah-tanah yang terlibat dan sekiranya tindakan ini selesai, kita berharap akan dapat memanggil tender kepada pembinaannya sebelum hujung tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudahpun cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 13 hiagga 53 akan dimasukkan ke dalam naskah bercetak kelak]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN (PINDAAN)****Bacaan Kali Yang Kedua****3.34 ptg.**

Timbalan Perdana Menteri [Tuan Abdul Ghaffar bin Baba]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan di baca kali kedua sekarang.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda Perkara 48, Perkara 139, Perkara 141A, Perkara 151 dan Jadual Relapan Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan kepada Perkara 48 dan Jadual Kelapan Perlembagaan Persekutuan bertujuan menghalang seseorang Ahli Dewan Rakyat atau Ahli Dewan Undangan Negeri membuat keputusan sewenang-wenangnya melctakkan jawatan dan kemudian bertanding semula di dalam pilihanraya yang diadakan bagi kerusi yang disokongkan itu semata-mata untuk menguji atau membuktikan popularitinya. Apabila ini dilakukan, maka banyaklah masa, tenaga dan wang yang terbuang, sedangkan rakyat dan negara tidak mendapat apa-apa faedah daripadanya.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Fasal 6 iaitu Fasal baru yang dicadangkan untuk dimasukkan ke dalam Perkara 48 itu, seseorang yang

meletakkan jawatannya sebagai Ahli Dewan Rakyat akan hilang kelayakannya untuk menjadi Ahli Dewan itu, manakala Seksyen 6 yang dicadangkan dimasukkan ke dalam Jadual Kelapan pula adalah bertujuan untuk menentukan seseorang yang meletakkan jawatan sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri akan hilang kelayakannya untuk menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri. Terapoh kehilangan kelayakan itu ialah 5 tahun yang dikira dari tarikh perletakkan jawatannya.

Ada pihak yang berpendapat, apabila Perlembagaan ini dipinda maka hilanglah hak asasi seseorang rakyat dalam negara **ini**. Tuan Yang di-Pertua, suka saya memberikan penjelasan, bukan orang yang seperti ini sahaja yang ditegah mengambil bahagian di dalam pilihanraya, daripada mula-mula lagi Perlembagaan digabal pada tahun 1957, kita telah menentukan bahawa ada juga orang-orang lain yang ditegah bertanding seperti orang yang telah dihukum jenayah, dipenjarakan, orang yang tidak siuman akalnya, orang yang bankrap dan sebagainya lagi. Jika mengikut hak asasi manusia, mereka pun berhak juga bertanding, kerana mereka adalah rakyat negara **ini**, tetapi Dewan Rakyat, Dewan Negara dan juga dengan sokongan rakyat majoriti berkehendakkan, mereka itu tidak boleh bertanding. Maka tidak ada apa bezanya dengan peruntukan yang dicadangkan ini, kerana yang membuat undang-undang itu ialah Dewan Rakyat, yang menjadi wakil kepada seluruh rakyat, dan juga Dewan Negara.

Undang-undang ini ialah buatan manusia, dan ianya boleh dipinda mengikut persesuaiannya. Dalam Perlembagaan yang ada sekarang, mereka yang ditagah mengambil bahagian untuk bertanding adalah mempunyai sebab-sebab yang tertentu. Begitu juga dengan cadangan yang baru ini, ianya mempunyai sebab yang tertentu dan munasabah

bagi menghalang mereka itu untuk bertanding. Orang seperti ini memang boleh bertanding dalam pilihanraya, tetapi perbuatan mereka meletakkan jawatan setelah. raenang pilihanraya itu dan kemudian ingin pula bertanding semula dalara kawasan yang sama, seperti yang saya sebutkan tadi, adalah membuang masa, menghabiskan wang rakyat dan tidak ada memberi apa-apa keuntungan kepada negara. Jika sekiranya pihak yang tidak setuju kepada undang-undang ini dipinda, mengatakkan rosak hak asasi manusia di Malaysia, ini bererti mereka yang meletakkan jawatan itu sendiri yang merosakkan hak asasi manusia.

Mereka patutlah terdiri daripada orang yang bertanggungjawab, kerana mereka telah dipilih oleh orang ramai, tetapi sebaliknya mereka bukan sahaja tidak membuat rancangan pembangunan seperti yang dijanjikan tetapi juga menyusahkan rakyat, menyusahkan negara dengan meletakkan jawatan. Mereka bermain-main dengan soal rakyat di negara kita. Mereka hanya mengambil kira soal diri mereka masing-masing dengan tidak memperhitungkan kesusahan yang ditanggung oleh negara. Orang yang seperti ini memang patut dihukum dan hukumannya adalah seperti yang saya sebutkan tadi iaitu mereka tidak boleh bertanding selama 5 tahun.

Oleh yang demikian, mereka yang ingin bertanding dalam pilihanraya hendaklah mengetahui undang-undang ini. Jika mereka tidak bersetuju dengan peraturan ini, lebih baik jangan bertanding langsung dan jika mereka bertanding dan menang dan kemudian mahu meletakkan, jawatan, raaka mereka terpaksa meagikut Perlembagaan yang ada pada hari ini. Perlembagaan negara kita adalah buatan manusia, ianya boleh dipinda pada bia-bila masa

Oleh kerana Perlembagaan ini dibuat oleh manusia, sudah pasti ada kelemahannya. Tambahan pula keadaan telah berubah dari sejak 33 tahun yang lalu lebih daripada 20 kali Perlembagaan telah dipinda untuk disesuaikan dengan perubahan yang kita hadapi, baik dalam bidang politik, agama dan perubahan besar yang berlaku di dunia. Semua perubahan itu dilakukan untuk memperkemaskan lagi perjalanan negara kita. Sebuah Perlembagaan yang mantap akan dapat menentukan kestabilan politik dan kelicinan pentadbiran negara. Hanya dengan syarat itu sahaja sesebuah negara boleh mencapai kemajuan dan terbukti di Malaysia pada hari ini negara telah maju begitu pesat sekali kerana adanya *political stabilities*.

Pihak Pembangkang ada mempunyai pandangan yang berlainan, salah satu daripada parti Pembangkang itu menuduh Kerajaan meninda Perlembagaan sewenang-wenangnya, itulah perkataan yang sangat popular digunakan oleh mereka apabila membahaskan pindaan Perlembagaan.

Tetapi ada satu kumpulan Pembangkang pula tidak mahu langsung Perlembagaan yang ada sekarang kerana tidak Islamic dan mereka mahu Perlembagaan yang ada sekarang ini dihapuskan sama sekali. Yang anehnya kedua-dua kumpulan tersebut walaupun mempunyai pandangan yang sangat jauh beza seperti bumi dengan langit, sanggup pula bekerjasama. Jadi saya harau juga jika ditakdirkan Tuhan mereka dapat memerintah negara ini, pandangan mana yang akan diikuti oleh mereka kerana kumpulan yang pertama berkata Perlembagaan hari

ini mesti dipertahankan dan jangan dipinda-pinda lagi sedangkan di satu kumpulan yang lain berkehendakkan Perlembagaan ini dibuang sama sekali dan diganti dengan satu Perlembagaan yang baru. Saya berharap rakyat negara ini akan menyedari betapa besarnya masalah yang kita akan hadapi kerana rakyat serau akan terlibat dalam perbincangan mengenai Perlembagaan jika berlaku hal yang seperti itu. Di mana-mana juga negara dalam dunia kekecuan berlaku kerana mereka tidak dapat melahirkan satu Perlembagaan yang disetujui oleh seluruh rakyat.

Setengah negara terpaksa diambil alih oleh kekuatan tentera sebab mereka gagal melahirkan satu Perlembagaan yang disetujui oleh sekurang-kurangnya oleh majoriti rakyat negeri itu. Jika berlaku kekacauan Perlembagaan di negara kita, maka kita akan menjadi seperti negara asing yang sedang berlaku kacau bilau pada hari ini, apa yang kita telah buat selama ini akan hilang dan kemajuan yang dikejar tidak akan dapat, rakyat akan tinggal dalam kekecuan selama-lamanya. Ada setengah negeri, setelah 30 tahun mencapai kemerdekaan, masih lagi menggunakan Perlembagaan sementara kerana mereka gagal melahirkan satu Perlembagaan. Kita bernasib baik dengan izin Allah s.w.t. dapatlah kita lahirkan Perlembagaan ini dan telah berjalan selama 33 tahun semenjak kita mencapai kemerdekaan. Seperti kata saya tadi ada kedapatan sedikit-sedikit kelemahan dan kita perbaiki. Oleh itu, Kerajaan Barisan Nasional berkehendakkan 2/3 sokongan rakyat dalam pilihanraya yang akan datang kerana jika didapati ada mana-mana penggal dalam Perlembagaan yang lemah dan merugikan rakyat boleh diperbaiki. Dengan ketiadaan majoriti 2/3

undi dalam Dewan Rakyat, Perlembagaan tidak boleh dipinda, jika ada berlaku kelemahan raaka itii akan melemahkan negara dan tidak memberi apa-apa faedah kepada rakyat.

Kita tidak boleh raengubah Al-Quran tetapi kita boleh meminda Perlembagaan kerana ini adalah buatan manusia. Manusia semakin sehari semakin cerdik, mungkin mereka mempunyai fikiran yang lebih baik daripada kita semua dan mereka ingin hendak meminda Perlembagaan itu.

Saya yakin rakyat Malaysia yang inginkan pembangunan dan kemajuan hendaklah memberikan sokongan kepada Kerajaan Barisan Nasional supaya raendapat 2/3 majoriti dalam Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan. yang ada pada hari ini memang mempunyai kekuatan 2/3 dalam Dewan Rakyat tetapi kami menyedari bahawa kami tidak mahu menggunakan kekuatan itu dengan sewenang-wenangnya kerana kekuatan mutlak yang sebenarnya bukan ada kepada parti pemerintah, bukan ada di dalam Dewan Rakyat tetapi adalah di dalam tangan rakyat sendiri. Sekali pun sesebuah parti itu mempunyai 100% sokongan ataupun negara itu diperintahkan oleh kekuatan senjata tetapi jika rakyat bangkit menentang secara beramai-ramai maka rakyat akan mendapat kemenangan. Kerajaan pasti jatuh sekali pun Kerajaan tentera yang mempunyai kekuatan senjata. Barisan Nasional menyedari perkara itu, kekuatan mutlak di negara ini berada di tangan rakyat. Dengan sebab itu setiap undang-undang yang dilahirkan, setiap kali pindaan diwujudkan, kami mengambil kira perasaan hati rakyat sama ada rakyat memberikan sokongan atau pun

tidak. Oleh kerana pindaan itu didapati memberi faedah maka barulah pindaan dilaksanakan dari selama ini setiap kali pindaan dilakukan tidak pernah ada berlaku pemberontakan di Malaysia menentang pindaan tersebut, bukan sahaja tidak ada pemberontakan bahkan tidak ada perarakan-perarakan demonstrasi dan sebagainya. Cuma beberapa kerat orang sahaja dalam Dewan Rakyat yang menentang kerana memang itu adalah kerja mereka, tidak boleh disalahkan, sebab itulah modal yang baik bagi mereka. Dan dalam pilihanraya saya percaya rakyat akan mengambil kira tentang kebaikan mewujudkan sebuah Kerajaan yang kukuh dengan adanya majoriti 2/3 dalam Dewan Rakyat untuk membolehkan kita mengatur langkah bagi memajukan lagi negara kita **ini**.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Fasal (4) Perkara 139 Perlembagaan Persekutuan, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam hendaklah terdiri daripada Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan tidak kurang daripada empat tetapi tidak lebih daripada tiga puluh orang anggota lain.

Menurut Fasal (2) Perkara 141A pula, Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan hendaklah terdiri daripada Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan tidak kurang daripada empat orang tetapi tidak lebih daripada lapan orang anggota lain.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal (4) Perkara 139 dan Fasal (2) Perkara 141A itu perlu dipinda bertujuan bagi menambah bilangan anggota Suruhanjaya-suruhanjaya itu mengikut keperluan semasa sejajar dengan pertambahan bilangan kakitangan Kerajaan. Pindaan itu adalah bagi membolehkan anggota kedua-dua Suruhanjaya itu akan

dapat ditambah melalui perintah yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong. Peruntukan ini adalah serupa dengan peruntukan dalam Fasal (1) Perkara 122A. Perlembagaan yang membolehkan bilangan Hakim Mahkamah Tinggi ditambah melalui perintah yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan terakhir yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini ialah pindaan kepada Fasal (2) Perkara 151 Perlembagaan, iaitu mengenai Lembaga Penasihat yang ditubuhkan bagi menimbang representasi-representasi daripada orang-orang yang ditahan di bawah undang-undang yang berkaitan dengan penahanan pencegahan. Lembaga Penasihat itu terdiri daripada seorang Pengerusi dan dua orang anggota lain.

Pengerusi, Lembaga Penasihat dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong daripada kalangan orang-orang yang menjadi, layak menjadi atau pernah menjadi Hakim Mahkamah Agung atau Mahkamah Tinggi atau orang-orang yang pernah, sebelum Hari Malaysia, menjadi Hakim Mahkamah Besar. Tidak ada peruntukan yang mewajibkan Yang di-Pertuan Agong berunding dengan Ketua Hakim Negara bagi perlantikan Pengerusi ini.

Anggota-anggota lain Lembaga Penasihat itu pula tidaklah semestinya dilantik daripada kalangan orang-orang yang menjadi, layak menjadi atau pernah menjadi Hakim sedemikian.

Namun demikian, terdapat peruntukan yang mewajibkan Yang di-Pertuan Agong berunding dengan Ketua Hakim Negara bagi perlantikan anggota-anggota lain itu,

Cadangan pindaan kepada Fasal (2) Perkara 151 ini akan memastikan bahawa tiada perbezaan di antara prosedur perlantikan Pengerusi, Lembaga Penasihat dengan prosedur perlantikan anggota-anggota lain Lembaga itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan dibacakan kali yang kedua aekarang dan terbuka untuk dibahas. Sila Yang Berhormat Puan Ainon dahulu.

3.51 ptg.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini bagi menyokong penuh dengan rasa kesyukuran dan dengan rasa bangga saya kepada Kerajaan yang ada kepada Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan yang baru sahaja dibentang oleh yang kita hormati Tirabalan Perdana Menteri negara kita sendiri.

Beliau telah menjelaskan mengapa satu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan ini perlu dibuat dan telahpun diluluskan di Dewan Rakyat baru-baru ini. Akta ini sesungguhnya merangkumi perkara-perkara yang menjadi kebimbangan kepada rakyat jelata yang cintakan kedamaian, yang memahami Perlembagaan, yang tidak mahu

kepada pembaziraa dan yang tidak senang dengan sikap-sikap keegoan atau kegilaan seseorang Wakil Rakyat yang mereka harapkan, yang mereka inginkan dan yang hendak raereka undi atau Hendak mereka pilih melalui hak-hak yang diberikan oleh Perlembagaan kepada warganegara Malaysia iaitu sebagai perailih.

Rang Undang-undang ini merangkumi daripada Perkara 48, Perkara 139, Perkara 141A, Perkara 151 dan yang terakhirnya iaitu Seksyen 6, Jadual Kelapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh dahulu mengenai perkara yang sangat penting di dalam pindaan Perlembagaan ini, iaitu mengenai Perkara 48, Perlembagaan Persekutuan yang telah ditambah selepas Fasal 5 menjadi satu lagi Fasal baru iaitu Fasal Baru 6 yang berbunyi:

"seseorang yang meletakkan keahliannya dalam Dewan Rakyat hendaklah bagi tempoh 5 tahun bermula dari tarikh perletakan keahliannya berkuatkuasa hilang kelayakan untuk menjadi Ahli Dewan Rakyat".

Syabas, Tuan Yang di-Pertua. Sesungguhnya para ini, fasal ini, perkara ini sangat wajar diperbetul dan diperpindakan dalam Perlembagaan kita ini kerana kita telahpun mengalami satu peristiwa yang pahit dan bersejarah serta menghairankan, menyusahkan rakyat apabila ada di antara kalangan Wakil-wakil Rakyat yang kerana keegoan peribadinya, kerana ingin menunjuk kejantanannya, kerana ingin memuaskan nafsu kumpulannya kerana ingin mencanangkan populariti yang murah menggunakan hak asasi rakyat di negara ini dalam bidang pemilihan atau sebagai pengundi telah menggunakan kelonggaran Perlembagaan kita lalu terjadi peristiwa bertanding semula setelah berlaku cabar-mencabar kawasan Parlimen Johor Bahru.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa peristiwa itu telah mengajarkan kita, telah menimbulkan kesedaran yang mendalam di kalangan pemimpin-pemimpin yang di pihak Kerajaan kita, terutamanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita melalui rintihan, melalui segala rungutan yang disampaikan oleh rakyat jelata di atas peristiwa itu. Bagi membendung keadaan ini berlaku lagi supaya ianya tidak sampai menimbulkan kepada gejala-gejala yang lebih buruk bahawa hak asasi rakyat sebagai pemilih untuk mengundi seorang Wakil Rakyat yang diharapkan memberikan pulangan kepada mereka dari hal kehidupan harian, dari hal pembangunan jasmaniah, rohaniah, fizikal, mental, perekonomian dan lain-lainnya, maka jadi sebagai gelanggang pertarungan menunjukkan kejantanan dan mungkin di satu ketika akan datang kalau tidak dibendung, menunjukkan pula kebetinaan masing-masing sebagai jaguh pemimpin rakyat dengan tujuan hendak menentang serta hendak memprotes kepada kepimpinan-kepimpinan khasnya di pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau tadi Yang Amat Bertiermat Tirabalan Perdana Menteri menyebut bahawa Perlembagaan Persekutuan ini digubal sejak 1957 seperti yang kita semua faham iaitu telah ditetapkan di dalam Perlembagaan itu sendiri bahawa mereka yang mempunyai kecacatan-kecacatan tertentu, sama ada fizikal atau mentalnya tidak boleh bertanding sebagai Wakil Rakyat. Umpamanya sebagai seorang penjenayah, itu mental dengan fizikal sekali bergabung, tidak siuman, bankrap atau mengalami sakit-sakit yang tidak boleh sembuh, terus-menerus, maka wajar sangat Fasal ini dipinda kerana kalau ada juga yang hendak menggunakan Perlembagaan yang begitu baik, yang begitu merangkumi hak-hak asasi manusia ini kerana kepentingan nafsu kesukaan, kegilaan, keseronokan, maka ia jatuh kepada satu ketentuan

yang dibuat oleh Perlembagaan kita 1957, iaitu tidak siuman. Kalau ingin menggunakan jawatan Wakil Rakyat kerana hendak menunjukkan kejantanan, menunjukkan ketokohan, menunjukkan kekuatan, menunjukkan rasa protes tidak puas hati, menunjukkan bantahan, menggunakan rakyat pengundi-pengundi yang tidak berdosa, tidakkah boleh ianya diistilahkan sudah sedikit tidak siuman sedangkan hak itu adalah hak yang murni diberikan oleh negara setelah kita perjuangkan melalui kemerdekaan.

Wakil Rakyat mesti seorang yang siuman, seorang yang bertanggungjawab, seorang yang memaharai perasaan rakyat, seorang yang menjaga kepentingan rakyat dan seorang yang menjaga juga kepentingan negaranya. Apalah. rupanya kalau saya sebagai Wakil Rakyat tidak senang dengan seseorang di dalam kumpulan saya, maka saya pun membuat cabaran di suratkhobar-suratkhobar, di kedai kopi, di korner-korner, di coffee-coffee house, kalau kamu jantan, mari bertanding di kawasan saya, saya boleh letak jawatan saya, kita bertanding semula. Maka itu menunjukkan maruah yang berkenaan sudah tidak lagi boleh diberikan istilah Wakil Rakyat atau pemimpin.

Tuan Yang di-Pertua, malangnya oleh kerana Perlembagaan kita yang lalu ada kelonggarannya, lika-likunya di sana-sini, maka perkara peristiwa ini berlaku juga dan malanglah kita menghadapi keadaan ini. Dan yang paling sedih, pengundi-pengundi di kawasan Parlimen yang berkenaan, yang tidak berdosa, yang laparkan kepada pembangunan, laparkan kepada pembelaan telah dijadikan barang pertaruhan dan pertarungan. Dua itu, Tuan Yang di-Pertua, taruhan dan tarungan. Oleh kerana rakyat ini memikirkan mereka mesti ada Wakil Rakyat, mereka mesti menjalankan tanggungjawabnya sebagai pengundi, Wakil Rakyat gila, Wakil Rakyat tidak gila, mereka terpaksa jaga keluar mengundi, terpaksa juga memberikan tanggungjawabnya.

Dan oleh kerana kepetahan, kebijaksanaan, permainan-permainan dan beberapa lagi pengaruh-peiiengaruh sekitarnya, kawasan berkenaan bergolak walaupun menang pada pihak yang lain, tidak pada pihak Kerajaan, tetapi implikasinya masih juga tidak sihat.

Maka tersebut alkesah satu cerita di Negeri Selangor yang hampir-hampir terjadi juga perkara yang demikian dan oleh kerana kebijaksanaan Menteri Besarnya, Timbalan Perdana Menteri kita, Perdana Menteri kita, perkara itu dapat dibendung. Alhamdulillah, syukur, Tuan Yang di-Pertua, apabila ada di dalam Perlembagan, saya rasa mereka yang ingin menjadikan tapak Parlimen kawasan pilihanraya sama ada Parlimen atau Negeri, saya sebutkan fasal negeri yang ada juga di sini iaitu Fasal 6, Jadual Kelapan kepada Perlembagaan Persekutuan dipinda selepas sahaja sub seksyen 4 dimasukkan satu lagi sub seksyen baru (5) yang berbunyi seseorang yang meletakkan keahliannya dalatn Dewan Undangan Negeri atau mana-mana Negeri lain hendaklah, bagi tempoh lima tahun bermula dari tarikh perletakan keahliannya berkuatkuasa, hilang kelayakan untuk menjadi ahli Dewan Undangan Negeri ini. Ada persamaan Dewan Rakyat dan Dewan Negeri . Kalau ianya berlaku di Parlimen, maka banyaklah pembaziran, kerja sia-sia, rakyat dipersusahkan akan berlaku seperti yang pernah berlaku.Dan kalau pula di Negeri, maka terjadi lagi perkara-perkara yang seperti ini. Saya sangat setuju dengan pandangan Timbalan Perdana Menteri tadi. Ini merupakan satu pembaziran. Saya .tambah sedikit, pembaziran yang berunsur kegilaan

dan yang tidak wajar dilakukan di sebuah negara yang cintakan kedamaian, perpaduan dan yang meletakkan hak rakyatnya lebih tinggi daripada segala-gala yang lain.

Saya pun mengikuti perdebatan hebat pindaan Perlembagaan ini di Dewan Rakyat di mana parti-parti Pembangkang dan juga separuh Pembangkang. Ertinya mereka ini dalam Rerajaan, tetapi juga bersuara seperti suara Pembangkang telah mengecil-gecilkan pindaan-pindaan yang berkenaan ini, telah menunding-nuding telunjuk kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana pindaan Perlembagaan ini yang dikatakan perkataan-perkataan manisnya sewenang, tetapi ada perkataan lain, Tuan Yang di-Pertua, iaitu dia kata gila kuasa. Pada pendapat saya, yang sewenang-wenang itu pihak yang hendak menggunakan Perlembagaan ini raengikut sesuka hatinya, itu sewenang-wenang. Dan yang gila kuasa, pihak yang gila, sudah dapat jawatan sebagai Wakil Rakyat, belum cukup setahun kerana perasaan, keraha kepentingan, kerana marah, kerana protes, kerana ego, lalu mencabar letak jawatan bertanding semula di tempat yang sama. Jadi, saya rasa itu barangkali gila.kuasa, barangkali kuasa yang ada di tangannya dia rasa tidak mampat, lalu mencabar, kemudian dapat lagi kuasa, maka mungkin dengan kuasa keda itu dia merasakan dia amat kuat dengan kuasanya. Istilah saya ini yang gila kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, berbagai-bagai perkembangan tidak sihat berlaku. Kalau perletakan jawatan itu disebabkan sesuatu yang sudah pasti dan tidak bertanding lagi, itu lumrahnyalah, seperti yang sedang kita hadapi sekarang di Pantai Merdeka - Allahyarham yang menjadi Wakil Rakyat telah kembali ke rahmatullah, itu perkara

biasa, tetapi yang dipindaini ialah perkara-perkara yang luar biasa.

Saya sekali lagi mengucapkan syukur kepada Allah dan berterima kasih dengan Kerajaan dan semoga ini menjadi satu tinta sejarah di dalam negara kita di mana generasi kita akan datang, anak-anak kita akan merasakan bahawa sejarah pindaan Perlembagaan mengenai perkara ini di tahun 1990 adalah sesuatu yang sangat lojik, yang sangat munasabah dan yang bijak dilaksanakan di mana ketika itu nanti kalau berlaku pergolakan seperti ini tidaklah ada lagi yang gila, yang ego dapat menggunakan sewenang-senang perkara-perkara berkenaan untuk kepuasan diri atau kepuasan satu kumpulan seperti yang telah saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya di Dewan Rakyat, lebih-lebih lagi di Dewan Negara perkara ini pasti sahaja akan mendapat sokongan sepenuh-penuhnya. Namun demikian, kita mendengar beberapa tindak-tanduk yang dilakukan oleh parti-parti Pembangkang. Satu daripadanya yang mereka jalankan ialah provokatif dalam mengambil tandatangan. Tuan Yang di-Pertua, setelah mereka tewas di Dewan Rakyat, mereka mula membuat propaganda manpengaruhi rakyat yang kurang arif, yang tidak begitu mendapat penjelasan mengenai soal pindaan Perlembagaan. Dikutip tandatangan-tandatangan sebagai protes kononnya kalau Parlimen meluluskan, tetapi rakyat masih belum mahu menerima keputusan itu. Dan saya menyarankan, ini cerita kutip-kutip tandatangan pun, Tuan Yang di-Pertua, barangkali ada juga cara-cara kita boleh buat melalui penguatkuasaan. Kerana mengutip tandatangan sewenang-wenangnya entah diketahui, entah tidak oleh pihak yang menandatangani yang telah dilakukan secara tipu helah, tipu muslihat, kemudian diperbesarkan dan yang paling

malangnya dihantar ke luar negeri berita itu dengan tandatangan-tandatangan itu sekali kononnya negara kita ini zalim, kerana Dewan Rakyat kita berat sebelah dan kerana kita berkuku besi dan lain-lain.

Saya tidak tahu Akta mana yang patut kita pinda lagi kerana nampaknya keadaan demokrasi yang begitu longgar, yang begitu baik, hak-hak yang begitu banyak kita berikan kepada rakyat negara ini kepada mereka yang hendak memimpin sama ada di pihak Kerajaan atau di pihak Pembangkang, terutama Pembangkanglah selalu sahaja menyalahgunakan keindahan Perlembagaan kita, kelonggaran undang-undang kita dan kerana kita tidak begitu keras menjalankan undang-undang kita dari segi pelaksanaannya, maka mereka ini mengambil kesempatan yang keterlaluan. Kalau dipandang sepintas lalu, sudah pasti pindaan ini sepatutnya mereka juga menyokong, kerana perkara-perkara ini boleh melindungi berbagai perkara yang mereka kata mereka perjuangkan selama ini iaitu dari segi kewangan, pembaziran, dari segi hak pengundi yang disusah-susahkan, dari segi remeh-temeh dalam mengadakan pilihanraya yang boleh menjejaskan pelaksanaan pembangunan-pembangunan dan daripada imej negara ini di luar negeri sekali **pan**. Jadi, oleh kerana mereka ini memang kata Timbalan Perdana Menteri tadi menang kerjanya membangkang, maka wajarlah bagi Dewan Rakyat dan Dewan Negara meluluskan pindaan ini dan kemudian dilaksanakan, dikuatkuasakan dengan seberapa segera yang boleh, Tuan Yang di-Pertua.

Saya jaga ingin menyentuh mengenai Perkara 139 iaitu pertambahan-pertambahan anggota yang tersebut di sini dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Malia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sahaja. Pernah satu kejadian dalam negara kita ini hakim yang

kita harapkan, hakim jaga telah tidak mengikut Perlembagaan kita yang sebenarnya. Jadi, kita bimbang kalau-kalau kejadian berulang lagi maka adalah baiknya kita letakkan perkara-perkara yang boleh menaungi dan menentukan hak asasi rakyat di negara ini terpelihara dengan baik di tangan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kita yang arif, yang ada ini yang arif kerana beliau juga seorang hakim tertinggi dahulunya.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga mengenai Lembaga Penasihat . Wajar sekali perkara ini diletakkan di bawah kaasa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menambah sedikit lagi mengenai hujah untuk perletakkan jawatan bagi mereka yang di Dewan Undangan Negeri. Dalam Perlembagaan ini selepas lima tahun yang berkenaan itu dibolehkan untuk bertanding semula dan terpulanglah kepada parti-parti berkenaan atau parti yang diwakilinya sama ada hendak memilih beliau kembali atau tidak, tetapi kalau ikut fikiran kami yang telah berbincang, kalau boleh terus tidak boleh bertanding sehingga akhir hayat kerana sekali dia meletakkan jawatan, bermakna dia ini tidak ada lagi keupayaan, tidak ada lagi minat dan tidak ada lagi ketokohan untuk menjadi peraimpin atau Wakil Rakyat.

Tetapi baiklah negara kita **ini**, undang-undang, Pelembagaan negara kita ini selalu sahaja flexible, selalu sahaja ada colak ansurnya. Jadi, walaupun beliau icu nanti gila ataupun dipengaruhi oleh sesuatu, letak jawatan sebagai Wakil Rakyat, Ahli Dewan Negeri atau Parlimen, dalam masa lima tahun mereka atau yang berkenaan masih ada chance lagi, Tuan Yang di-Pertua, untuk jadi Wakil Rakyat kalau diterima, dicalonkan seraula oleh parti mereka.

Dan biasanya, selalunya, lazimnya yang terjadi bukan di dalam parti yang di dalam komponen BN. Ianya terjadi di dalam parti yang menggelar dirinya Pembangkang atau ada juga ketika ini yang duduk di antara BN dan Pembangkang, tengah-tengah. Saya tidak tahu hendak mengistilahkan ini, sama ada ianya komponen BN, mirip kepada manifesto BN atau kepada Pembangkang-pembangkang ataupun bagaimana. Pada fikiran saya mereka ini in between, dalam bahasa Inggerisnya, di tengah-tengah. Sekala-sekala merabawa kefahaman atau ideologi parti Pembangkang, ada kalanya menyokong pihak BN. Terpulanglah kepada pucuk pimpinan untuk menilaikan jenis-jenis pemimpin yang demikian, sama ada mereka ini benar-benar dapat memberikan faedah kepada BN sendiri, kepada rakyat jelata, kepada negara dan kepada pengundi-pengundi yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan rasa syukur lagi sekali, saya menyokong penuh atas Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) ini.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Haji Zakaria.

4,12 ptg.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam membahaskan satu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan.

Dalam masa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menerangkan hujah-hujah ataupun keperluan Akta Ini dipinda, ada dua tiga perkara yang sungguh menarik perhatian saya. Yang pertama sekali bahawa Perlembagaan negara ini telah dibuat melalui Parlimen, melalui Dewan Rakyat pada tahun 1957 iaitu semasa kita mula-mula mencapai kemerdekaan negara ini. Pada masa itu Perlembagaan itu sangat sesuai pada ketika itu tetapi apabila negara kita berkembang dari semua aspek, penduduknya, pembangunannya, cara hala pemikiran rakyatnya dan juga untuk menyesuaikan dengan keperluan-keperluan rakyat, Perlembagaan ini telah dipinda lebih 20 kali. Pada lazimnya Perlembagaan ini dipinda ialah selepas kita mengalami masalah daripada Perlembagaan itu, baru kita pinda Perlembagaan ini. Saya minta maaf kalau kita tidak boleh menyamakan dengan al-Quran. Al-Quran itu adalah firman Tuhan yang tak dapat seseorang manusiapun memindanya, kerana lengkap. Hanya pengajiannya sahaja yang belum lengkap, yang kita buat.

Jadi, berpandukan kepada Perlembagaan ini untuk menyesuaikan dengan keperluan semasa, pengalaman-pengalaman yang berlaku terpaksa dipinda untuk mententeramkan keadaan negara, untuk menjimatkan perbelanjaan, untuk menghalang satu-satu perkara yang tidak baik boleh berlaku, maka Perlembagaan ini seharusnya dipinda untuk demi kepentingan seluruh rakyat. Dalam perkara ini tadi ada yang mengatakan bahawa semasa membentang perkara ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengacakan untuk menghalang Ahli-ahli Dewan Rakyat ataupun Ahli-ahli Dewan Negeri supaya tidak meletakkan

jawatan dengan sewenang-wenangnya ataupun bertindak dengan tidak berfikir panjang dan ini menimbulkan keadaan yang tidak begitu baik kepada keadaan di mana kawasan ini kosong, timbullah masalah pembaziran, ketidak-tenteraman, mengadakan pilihanraya semula, berkempen dengan menaburkan berbagai-bagai ancaman, fitnah yang tidak boleh memberikan kebaikan kepada perpaduan rakyat.

Parti Pembangkang menuduh bahawa Kerajaan meminda Perlembagaan sewenang-wenangnya. Dua perkataan yang dimainkan tadi. Mereka meletakkan jawatan, bertindak dengan sewenang-wenangnya untuk menguji kekuatan, untuk menguji pengaruh, untuk menguji populariti dan apabila Perlembagaan ini dipinda oleh Kerajaan, parti Pembangkang menuduh Kerajaan meminda sewenang-wenangnya. Ini perkataan yang digunakan oleh parti Pembangkang. Apabila kita melihat dan selepas kita ada pengalaman, ada pengajaran daripada hal yang berlaku, baru dibuat atau dibuat pindaan ini oleh Kerajaan. Ini bukan dibuat sebelum ada pengalaman atau dibuat semata-mata untuk keperluan Kerajaan tetapi Perlembagaan ini dipinda semata-mata untuk menjaga negara ini, menjaga rakyat negara ini, menjaga berbagai perkara lain lagi yang timbul.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati dengan penerangan panjang yang diberikan tadi oleh Yang Amat Berhonnat Timbalan Perdana Menteri berkenaan dengan krisis Perlembagaan. Apabila pindaan ini dibentangkan dalam Parlimen, ada puak parti Pembangkang tidak setuju Perlembagaan ini dipinda sewenang-wenangnya oleh Kerajaan. Ada parti Pembangkang yang tidak mahu langsung Perlembagaan negara sekarang kononya tidak Islamic, sedangkan ketua-ketua badan ini bercantum berbaik-baik. Bagaimana keadaannya orang yang berbaik-baik dengan dua hala tujuan yang tak sehal?

Saya berdoa kepada Allah Subhanahu wa-taala supaya janganlah berlaku perkara ini kerana apabila timbul krisis perlembagaan, contohnya yang berlaku hari ini bermula di Eropah Timur bagaimana mereka dikuasai oleh Parti Komunis selama 40-45 tahun. Bila hendak mengadakan satu perlembagaan negara bukannya senang, bukan perkara yang mudah untuk mewujudkan satu perlembagaan negara yang dapat diterima rakyat negara itu. Sedangkan Perlembagaan kita buat, sebelum kita merdeka dan disetujui tahun 1957 apabila merdeka, diterima oleh seluruh rakyat negara ini. Tidak ada penentangan-penentangan yang begitu kuat, malah diterima oleh semua rakyat. Apabila berlaku perkara-perkara yang timbul yang tidak menyenangkan kita, yang tidak boleh kita ikut lagi, tidak sesuai lagi dengan keadaan semasa, kita pinda. Rakyat mendapat faedahnya, rakyat menerima keadaan itu dengan baik, dengan keselamatan negara kita, dengan perabangunan dan berbagai-bagai lagi.

Saya tidak mahu menyebut di mana-mana kawasan yang ada perkara ini tetapi kita sendiri melihat, pada zaman ini kalau kita mengadakan pilihanraya, lebih-lebih lagi pilihanraya kecil yang tidak ada kena mengena dengan ketiga-tiga Fasal tadi, walaupun dia tidak dihukum penjara kerana jenayahnya atau kerana tidak siuman atau muflis. Ini memang termaktub di dalam Perlembagaan yang tidak ada hak untuk bertanding dalam pilihanraya. Mereka ini meletakkan jawatan, timbullah berbagai-bagai perkara yang boleh mengubah atau mengelirukan pemikiran rakyat. Hari ini kempen-kempen ini lebih hebat lagi, untuk mengelirukan saya, bukan sahaja mengelirukan fikiran tetapi mengajak rakyat membenci Kerajaan. Kalau dahulu semasa pasukan bersenjata komunis menentang kita, kita menentang mereka kerana komunis hendak merampas Kerajaan dengan menunjukkan satu cara bagaimana hendak benci kepada Kerajaan yang dipilih oleh rakyat. Sekarang ini demikian juga berlaku sedang hebatnya untuk mengajak seluruh rakyat membenci Kerajaan yang dipilih oleh rakyat. Ini sedang berlaku.

Jika ada pilihanraya-pilihanraya dernikian berlaku akan banyaklah timbul perkara-perkara yang tidak sepatutnya timbul yang boleh mengganggu keamanan negara kita dan perpecahan rakyat sama rakyat. Jadi, untuk itulah Perlembagaan ini dipinda bagi menghalang mereka yang berhajat untuk menguji kekuatan, populariti sama ada personal atau peribadi ataupun parti daripada mengadakan pilihanraya yang deraikian. Bukan dipinda untuk semata-mata meminda Perlembagaan sebagaimana dituduh oleh parti perabangkang yang dihuraikan sebentar tadi oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara beginilah yang kadang-kadang kita tidak dapat memberikan tahaman kepada seluruh rakyat sedangkan selama kita telah merdeka selama 32 tahun, negara kita telahpun merupakan sebuah negara yang maju, negara yang berkembang dengan baik di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, negara telahpun dikenali dan raenjadi contoh kepada negara-negara lain, saya rasa jika ada peluang rakyat negara ini berjalan keluar negeri dapat dengan mudah membandingkan keadaan negara ini dengan negara lain.

Malaysia sebuah negara yang paling istimewa kerana di Malaysia bukan sahaja diduduki oleh satu bangsa, satu kaum tetapi diduduki oleh berbagai kaum, berbagai kebudayaan dan kepercayaan, tetapi tidak pernah berlaku huru-hara-huru-hara yang mengancamkan ketenteraman. Rakyat hidup dengan mudah. Negara kita aman tidak ada huru-hara, tiap-tiap orang boleh berjalan, boleh berbelanja; soalnya ada kemampuan tidak ada gangguan seperti pernah berlaku di negara-negara lain.

Kita pernah mendengar, bukan sahaja mendengar tetapi melihat dari kaca TV, membaca di akhbar-akhbar sebuah kerajaan tidak sampai tiga tahun memerintah, enam kali percubaan rampasan kuasa. Bandingkanlah negara itu dengan negara kita. 32 tahun kita merdeka, satu benda yang dikagumkan oleh dunia iaitu bagaimana 'Malaysia. boleh dapat pasukan bersenjata komunis meletakkan senjata dan mengaku bahawa perjuangan mereka gagal di Malaysia. Tidak ada negara lain yang boleh buat, Malaysia sahaja dapat menjadi contoh. 45 tahun komunis cuba merampas kuasa tetapi akhirnya mereka itu mengaku gagal perjuangan mereka dan meletakkan senjata mereka dan balik kepada masyarakat. Ini dikagumi oleh negara-negara lain. Tetapi yang hairan dan peliknya, rakyat negara ini tidak mengakui, tidak mengagumi, tidak berterima kasih pun kepada Kerajaan. Inilah satu perkara yang pelik kepada rakyat kita pada hari ini - sebahagiannya, bukan semuanya, lebih-lebih lagi pemimpin-pemimpin parti pembangkang yang saya sebutkan tadi.

Seorang anak Melayu yang tidak pernah dikenal sebelumnya, tetapi menjadi pemimpin apabila diadakan perjumpaan di Lusaka, di Afrika - seorang bangsa Melayu. Berbagai-bagai lagi yang telah dibuat tetapi parti-parti pembangkang kita tidak dapat melihat itu semua. Apabila kita merinda Perlembagaan, mereka mengatakan kita menghilangkan hak asasi manusia, hak asasi rakyat. Apabila mereka menuduh yang bukan-bukan, mengadakan yang tidak ada dan tidak mengaku kemajuan itu apa benda hendak dinamakan. Apakah kriteria hendak dinamakan golongan ini agaknya. Mungkin mereka ini dilupakan macam kacang lupukan kulit atau orang yang tidak pandai bersyukur kepada nikmat Tuhan. Inilah yang saya hendak sampaikan, Tuan Yang di-Pertua, dalam usul meminda Perlembagaan ini.

Saya ingin menyeru melebihi Dewan yang mulia ini bahawa kitalah di Malaysia tergulung daripada rakyat hamba Allah yang bernasib baik, yang beruntung dan bertuah sejak kita merdeka sampai ke hari **ini**. Kalau ada cacatnya tidak sampai sebesar titik dakwat pun yang boleh kita banggakan. Kita boleh hidup sama, kita boleh duduk seraeja dengan bangsa-bangsa yang bukan satu bangsa. Antara orang Cina, orang Melayu dan India tidak ada perbalahan-perbalahan besar yang berlaku. Tetapi ada negara-negara lain, satu bangsa satu keturunan tidak boleh duduk malah berperang sama sendiri. Inilah kebijaksanaan pemimpin kita daripada dulu sampai sekarang. Semoga keadaan ini akan dapat kita teruskan. Walau apa pun kaca mereka demi untuk kebaikan kita akan memberikan sokongan pada tindakan-tindakan yang boleh menambah atau menjadikan lebih baik lagi untuk negara dan rakyat ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ikhlasnya menyokong dengan sepenuh-penuhnya Akta Perlembagaan (Pindaan) ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang.

4.26 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana membenarkan saya untuk bercakap sedikit dalam perbahasan suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan.

Saya bersama-sama dengan rakan-rakan bahawa menyokong di atas pindaan yang telahpun dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada petang ini dan saya nampak dari suasana

penyampaian yang ditunjukkan oleh Yang Amat Berhormat sebagai kita yang mengenali jiwa manusia kita telah nampak bahawa pindaan yang dibuat ini bukanlah satu pindaan yang menyukakan hati kerana ini terpaksa dibuat oleh kerana hendak menjaga keadaan suasana negara yang kita anggap buat masa ini banyak keadaan-keadaan yang telah kelihatan kalau sekiranya Perlembagaan dalam Perkara 48 ini tidak dipinda maka mungkin gejala-gejala buruk dan keselamatan negara ini sedang menunggu untuk menempuh satu keadaan yang amat mendukacitakan.

Kerana, dari segi sejarahnya negara-negara yang tidak aman dan tidak terkawal keselamatannya adalah negara-negara yang tidak dapat melaksanakan Perlembagaannya itu dengan baik dan teratur. Jadi sebagaimana yang telahpun didedahkan oleh Yang Amat Berhormat kerana kita nampak suasana keadaan yang dikatakan tadi sehingga dibandingkan dengan wahyu dari Allah. Wahyu dari Allah, hukum itu datang setelah berlaku sesuatu dalam suasananya maka Allah s.w.t. akan menurunkan Saidina Jibril membawa ayat untuk menerangkan bahawa hukum itu terpaksa ditukar dan dilaksanakan demi kepentingan hambahambanya di muka bumi.

Kalau kita berpandukan ini sudah jelas bahawa Perlembagaan yang kita buat adalah untuk menjaga keselamatan dan ketenteraman dan dapat menjalankan pentadbiran negara dengan baik dan teratur. Manakala suasana itu tidak lagi sesuai maka pihak pemerintah perlu memikirkan sesuatu yang boleh menyelamatkan rakyat, menyelamatkan negara dan menyelamatkan kewangan dan harta benda iaitu dengan meminda Perlembagaan yang tidak sesuai itu. Kalaulah ada rakyat kita atau ada pemimpin-pemimpin mengatakan bahawa Perlembagaan kita ini tidak Islamic, saya rasa ini satu tuduhan yang tidak betul

kerana seorang ulamak yang kita iktiraf sebagai ulamak dia tentu tahu bagaimana wahyu-wahyu itu turun dan bagaimana pula wahyu-wahyu yang diturunkan itu akan dilaksanakan oleh junjungan kita Rasulullah s.a.w. Jadi, kalau dia faham tentang itu tentulah dia tahu bahawa Perlembagaan ini bukanlah Quran. Perlembagaan perbuatan manusia yang dipandukan akal fikiran.

Kalau berpandukan kepada akal fikiran, maka ada kalanya perkara itu sesuai dan ada kalanya perkara itu tidak sesuai. Manakala didapati tidak sesuai maka perlulah dipinda. Pindaan yang dibuat itu bukan untuk merugikan malahan pindaan itu adalah untuk menguntungkan rakyat dan menguntungkan negara.

Saya bersimpati sungguh dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita yang saya nampak amat sugul dalam masa dia menyampaikan Perlembagaan ini. Sepatutnya dia ghairah dengan semangatnya bahawa Perlembagaan ini dipinda dengan perasaan hati yang riang, kerana ini akan menyekat orang-orang yang nakal meneruskan perbuatan kenakalannya itu. Saya nampak oleh kerana tiada jalan lain untuk hendak menyekat keadaan dan suasana ini, iaitu sebagaimana yang didedahkan tadi, saya dapat petik sedikit, iaitu "Rakyat dan negara tidak mendapat faedah daripada telatah-telatah Wakil-wakil Rakyat yang suka meletakkan jawatan. Keduanya, janganlah cuba bermain-main dalam mendatbirkan negara ataupun bertnain-main untuk menjadi seorang pemimpin."

Saya nampak dalam negara kita sekarang ini sedang mendadak keadaan ini. Orang boleh buat apa dia suka terutama sekali kalau dia rasa dalam satu kawasan itu dia ada kewibawaan peribadinya, orang segan dengan dia, orang hormat dengan dia, dia suka membuat keadaan yang semacam ini. Ini serupalah macam seorang lelaki yang tidak sedar diri, kalau dia rasa dirinya bila-bila laku, dia boleh menceraikan isterinya bila dia suka dengan tidak memikirkan apa-apa. "Aku ini emas 10, pagi ini aku ceraikan engkau, petang boleh

kahwin". Ini telatah budak-budak. Tetapi ini bukan telatah, sudah dijadikan perbidalan, "lelaki ini emas 10". Tetapi orang yang melaksanakan emas 10 sebagai kemegahan orang lelaki, dia akan jaga ini. Dia bukan boleh pakai macam itu sahaja. Orang yang berkata macara itu setelah dia tidak dapat menahan keadaan suasana, dia tidak boleh buat apa-apa lagi untuk hendak raenyelamatkan isterinya. "Tidak apalah, aku boleh beri hak, bercerailah kita, tidak ada apa lagi, kerana jodoh sudah selesai, tidak boleh buat apa-apa lagi, tiada jodoh lagi. Engkau jangan bimbang, nasib aku, insya Allah terbela, nasib engkau belum tahu". Itu baru boleh dikatakan emas 10. Ini tidak, dia cari masalah, lepas itu diikutkannya kehendak hatinya, kemudian dia berlagak. Jadi perempuan yang nombor dua itu pun perempuan bodoh juga.

Sepatutnya perempuan yang bodoh ini dia tahu kalau orang lelaki yang suka macam ini, dia akan kena juga macam itu. Tetapi ada perempuan-perempuan yang tidak sedar, suka pula dia, untung-untung dia dapat kaut. Ini yang berlaku. Kalau itu sudah biasa menjadi amalan peribadi seseorang, dalam masalah kepartian ataupun dalam masalah menjadi Wakil Rakyat ini, lebih daripada itu. Sebab orang yang mendirikan rumahtangga itu dia sudah membuat perjanjian untuk sehidup semati. Yang boleh memisahkan dia hanya cangkul dan penggali. Tetapi apabila sampai masalah, janji itu dia sudah lupa. Begitu juga dalam keadaan kita. Dahulu dia duduk dalam Kerajaan kita dengan baik, dengan aman, cium tangan, nasib baik dia tidak cium bontot, sekarang ini tidak ada lagi yang wangi - semua busuk. Tak usahkan hendak cium tangan, selisih pun tutup hidung, fasal

busuk. Yang kata kita wangi dahulu dia juga, sekarang yang kata kita busuk pun dia jugda. Sebab itulah yang saya bawa misalan lelaki dengan perempuan tadi - isteri dengan suaminya. Kalau dia kenangkan yang indah, tentu indah buat selama-lamanya. Kenapa sekali indah, sekali tidak indah: sekali molek, sekali tidak molek. Silapnya kita juga, kita terlalu cepat menganga menelan sesuatu. Nampak lagak, nampak cara, nampak pandai, kita pun terima, tidak ada orang yang bijak, tidak ada orang yang paling pandai dialah yang pandai, dialah yang bijak.

Saya rasa sebanyak sedikit ada juga pengajarannya kepada pemimpin kita. Kadang-kadang orang yang baik peribadinya itu dikatakan hodoh, tidak pandai bergaya - kalau orang perempuan tidak pandai make-up. Bila tidak pandai make-up, tidak cantik. Kalau hendak tahu suruh dia mandi dahulu, sudah mandi baru tahu, siapa cantik. Yang mandi dahulukah cantik atau yang mandi kemudiakah cantik. **[Ketawa]** Kalau make-up belum tentu. Ini harus pemimpin kita berfikir, pandai menilai. Kadang-kadang tengok orang yang diam, tidak banyak buat masalah, dia ingat orang ini tidak berguna. Rupa-rupanya orang inilah yang tenterara jiwanya, orang inilah yang baik, orang inilah yang bagus. Sebab itu orang yang membuat perceraian selalu ini - saya beri contoh ini lebih senang - dia akan terkenang balik - dia kata bini tua dia lebih baik. Dahulu dia ingat bini nombor dua lebih baik, lepas itu nombor tiga lebih baik, rupa-rupanya yang tua itu lebih baik. Begitulah keadaan rujuk balik.

Jadi dengan suasana ini itulah sebabnya Enakmen Hukum Syarak itu kita buat. Tujuannya untuk hendak menyelamatkan wanita. Dahulu

wanita ini tunjuk handal. Ada sahaja orang lelaki dia hendak, ada sahaja orang lelaki dia hendak, kesudahannya sekarang buat pula Enakmen Wanita - Enakmen Hukum Syarak. Dahulu tidak payah Enakmen ini, sebab orang taat semua. Bila sebut cerai sahaja semua takut, bila sebut menzalimi isteri itu semua takut. Bila sebut neraka, semua takut. Sekarang sebut apapun orang tidak takut. Jadi hendak ikat dia ini macam mana? Kita buat Enakmen Hukum Syarak. Dalam pada itu ada pula yang takut, dia kata Enakmen Hukum Syarak ini susah-dia. Yang cakut itu bukan orahg golongan itu, itu yang susah. Buat apa dia takut? Kita tidak menyiksa orang. Itulah sebagaimana rakan saya sebutkan tadi, buat boleh pula pungut tanda tangan. Manusia ini macam-macam feel lakunya.

Dengan sebab itu tidak hairanlah kita tentang pindaan yang kita lakukan, bukan untuk menzalimi seseorang dan bukan untuk membunuh kriteria seseorang, malahan ini akan memikirkan kedudukan negara dan kedudukan rakyat, Jangan rakyat di Malaysia ini menjadi rakyat jahil sebagaimana yang pernah kita tengok dalam "Dunia Jam 10" di IV kita. Tengok negara bergolak - rakyat duduk macam mana? Keamanan negara itu macam mana? Jadi itulah yang kita nampak tetapi "Dunia Jam 10" ini, saya sendiri pun tidak nampak - tidak banyak memberi contoh negara yang aman, dia banyak membawa contoh negara yang huru-hara. Negara yang araan damai, Kerajaannya stabil, baik, bagus, itu saya tidak nampak.

Tetapi yang nampak itu yang bergolak.

Jadi bila ini batiyak didedahkan, orang ini tertiru-tiru fasal tiap-tiap malam tengok. Dia kata, "Negara orang buat macam ini, kita pun boleh buat macam ini. Negara orang ini tidak aman, kita boleh buat negara tidak aman. Ini hak asasi manusia". Ini memang macam itu. Dari segi manusia ini, kalau sekiranya keadaan suasana itn hari-hari kita tengok, hari-hari kita tiru, kesudahannya kita mirip ke tempat itu. Ini sudah menjadi suasana begitu, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, dengan sebab itu, saya menyokonglah Akta ini supaya detigan pindaan Akta Perletnbagaan kita ini, harapan kita, Tuhan akan melindungi negara kita daripada malapetaka dan akan melahirkan rakyat yang baik, pemimpin-pemimpin yang jujur, orang-orang yang bertanggungjawab dan amanah. Maknanya seorang yang telah dicalonkan menjadi Wakil Rakyat, telah dipilih oleh rakyat dan memperoleh kemenangan, maka dia janganlah sewenang-wenangnya membatalkan kedudukannya sebagai Wakil Rakyat yaknl menggugurkan keahliannya sebagai Wakil Rakyat kemudian dia dengan sewenang-wenangnya challenge lagi aekali untuk bertanding hendak tengok kekuatan dan bagaimana kesayangan orang pada dia. Dengan sebab itu, lahirlah manusia yang memakai "beli tiket lain, naik kereta lain."

Ini yang susah, Tuan Yang di-Pertua. Patut kalau beli tiket bas, naik baslah. Ini tidak - beli tiket bas, naik lori tetapi lori tidak ada tiket. Jadi, biarlah kalau kita beli tiket keretapi, naiklah keretapi. Kalau naik keretapi kelas satu, di kelas satulah duduk. Jangan pergi duduk kelas tiga. Yang kelas tiga itu pergi pula duduk kelas satu, tidak jadilah. Jadi, maknanya ikut peraturan. Macam kita di Dewan ini juga di mana kerusi kita, kita duduk di situ, tidak kita ubah-ubah. Ini peraturan,

bukan ikut selera kita. Hari ini tidak syok duduk hadapan, kita pergi duduk belakang. Hari ini tidak syok duduk belakang, kita pergi duduk hadapan. Mana boleh, kita Ahli Dewan. Pegawai bolehlah buat macam itu. Kita mana boleh, kita tidak boleh. Pegawai boleh, dia tengok dia tidak ada kerusi di sana, dia pindah sini. Kita ini fasal nama hendak perhati. Adakah manusia itu di situ. Sehari-hari ini tidak ada nampak. Ada orang tahulah. Dia tak masuk Dewan ini. Ini peraturan.

Dengan sebab itu, saya menyokonglah di atas pandangan-pandangan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi iaitu kita minta supaya Perlembagaan ini berjalan dengan baik iaitu orang yang bankrap, orang yang jenayah, orang yang tidak siuman ini jangan diberi hak. Kita minta jangan dia dibenarkan jadi calon walaupun apa parti sekalipun dan tentang ada rungutan-rungutan tidak puas hati di atas pindaan ini, ini memang biasa. Tidakkannya orang marah pada kita, dia kata kita betul. Orang yang benci pada kita dia kata kita benar - tidak ada. Melainkan kalau orang ini sudah marah pada kita, macam rumahtangga yang saya katakan tadi, kalau isteri kita cukup kasih, cukup defend kita, dia kata kitalah orang yang baik dan bertanggungjawab, tetapi bila sudah berlaku penceraian, dia akan membukakan semua kekotoran, kejahatan kita'. Yang orang tidak tahupun jadi tahu, "Eh, saya sangka dia ini baik". Itulah baik tidak baik. Begitu juga yang lelaki, yang perempuankah samalah. Jadi, itu lumrah manusia. Jadi, hari ini kalau kita hendak hiraukan pembangkang, orang yang tidak sokong kitakah, sampai bila-bila tidak selesai. Kita ingat Perlembagaan itu perlu dipinda untuk keselamatan negara, rakyat dan demi keselamatan, maka kita pinda.

Jadi, saya tidak hendak cakap banyak, Tuan Yang di-Pertua, saya sokonglah Akta ini iaitu Suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Azumu bin Tak.

4.45 ptg.

Dato' Azuma bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang untuk turut serta menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan. Tujuannya seperti yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita tadi ialah untuk menghalang seseorang Ahli Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri membuat keputusan meletakkan jawatan dan kemudian bertanding semula semata-mata untuk menguji sama ada seseorang itu popular atau tidak di kawasan itu.

Tuan Yang di-Pertua, ada parti-parti pembangkang di negara kita yang mengatakan bahawa ini akan merosakkan hak asasi manusia. Seperti yang disebutkan oleh sahabat-sahabat saya tadi, ini tidaklah benar kerana sungguhpun hak asasi kita sentiasa terjamin di dalam negara ini, tetapi untuk menjaga popularity seseorang itu bukanlah di sini tempatnya. Kita haruslah faham bahawa hak asasi yang ada pada kita tidaklah boleh kita ukur mengikut kehendak hati kita, tetapi ia mestilah diukur mengikut kehendak negara, mengikut kehendak bagaimana ia patut dijalankan di dalam sesebuah pertubuhan itu.

Kita hairan kenapa pihak-pihak Parti Pembangkang ini sentiasa tidak bersetuju tentang perkara-perkara seumpama ini dan kita harus meyakinkan mereka, kita harus memberitahu mereka bahawa di dalam mereka mengikut pemerintahan Raja Berperlembagaan, mereka sentiasa memberi penghormatan, seperti apa yang disebutkan mereka, kepada Raja yang memerintah negara ini, tetapi sebaliknya nasihat-nasihat yang dititah oleh Baginda tidak pernah diikuti oleh sahabat-sahabat kita daripada parti lawan ini. Boleh dikatakan tiap-tiap kali mana-mana Raja bertitah di negara kita ini mahukan

supaya kehidupan bersatupadu di antara semua kaum diperkuatkan.

Contohnya, malam semalam apabila Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong membuka rasmi Tilawatul Al-Ouranulqarim peringkat antarabangsa, Tuanku bertitah supaya rakyat di negara ini hidup bersatupadu dan tidak berkonfrantasi di antara satu sama lain. Kita hendak tanya kawan-kawan kita daripada Parti Pembangkang sama ada mereka sanggup mendengar dan mengikuti nasihat Rajanya itu. Jika mereka berfikir bahawa apa yang dinasihat dan dititahkan oleh Raja itu tidak dapat diterima, maka saya cadangkan kepada Kerajaan supaya raemikirkan bahawa rakyat yang tidak patuh kepada Raja ini dianggap sebagai rakyat kelas dua dan rakyat seumpama ini tidak harus diberi hak antuk menjadi pengundi di dalam mana-mana pilihanraya yang diadakan di dalam negara kita ini.

Mereka janganlah menyatakan taat-setia mereka kepada negara ini dengan kata-kata mulut sahaja, tetapi tidak diikuti dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, satu daripada tujuan pembentangan pemindaan Rang Dndang-ondang Perlembagaan ini seperti yang disebutkan oleh Timbalan Perdana Menteri tadi, ialah antuk menghukum Ahli-ahli Dewan Rakyat yang telah dilaritik meletakkan jawatan dan bertanding semula di kawasan yang seurapama itu, dan dengan hakuman ini adalah supaya ianya tidak menjadi calon lagi di kawasan yang sama..

Saya agak hukuman ini amat patut daripada segi Kerajaan, tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin. bertanya kepada Kerajaan, jika Kerajaan boleh mananjangkan pendapat saya ini kepada parti pula di masa-masa yang akan datang, orang-orang seumpama ini adakah parti akan mencalonkannya sekali lagi untuk bertanding sebagai calon mewakili parti itu di kawasan itu, kerana ianya masih lagi menjadi pemimpin di kawasan itu. Sungguhpun panimpia seumpama ini sekarang ini menyokong Kerajaan kononnya, tetapi saya khuatir di atas ketaatsetiaannya terhadap parti. Oleh itu saya ingin bertanya saraa ada peluang akan diberi kepadanya lagi untuk bertanding di Johor Bahru, misalannya. Rekomendasi saya kalau boleh ialah supaya kita tinggalkannya sahaja di belakang sungguhpun beliau itu kawan saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap bahawa pendapat-pendapat seumpama ini dapat dipanjangkan kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya pendapat Ahli-ahli Dewan ini dapat juga diterima oleh

pemimpin-pemimpin kita. Perkara-perkara lain di dalam pindaan Rang Undang-undang Perlembagaan ini adalah juga disokong dengan sepenuhnya, dan saya yakin Dewan ini akan menerima sepenuhnya Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) pada hari ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormt Tuan P. Balaram.

4.55 ptg.

Tuan P. Balaram: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua,- kerana diberi peluang kepada saya untuk bersama-sama merabahas serta menyokong Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 1990.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucap syabas dan tahniah kepada Kerajaan kita kerana membawa Rang Undang-undang ini. Rang Undang-undang ini bertujuan untuk menyekat atau menghalang seseorang Wakil Rakyat meletakkan jawatan atau mengosongkan kerusi dan bertanding semala dalam pilihanraya bagi kerusi yang sama. Undang-undang ini akan menghilangkan kelayakan seseorang yang mengosongkan kerusinya serta bertanding dalam pilihanraya bagi tempoh lima tahun.

Tuan Yang di-Pertua, pembentangan Rang Undang-undang ini adalah sangat-sangat sesuai dan tepat pada masanya. Saya katakan begitu adalah kerana perkembangan-perkembangan politik di negara kita akhir-akhir ini mengambil satu trend baru, iaitu parti-parti politik dengan fahaman dan falsafah yang berlainan atau di dan extreme itu telah mula berkawan ataupun berkahwin,'marriage of convenience' dengan satu lagi saudara baru iaitu 46. Perkembangan politik baru ini telah mewujudkan satu permainan politik baru iaitu menguji kekuatan dan populariti Wakil Rakyat. Permainan ini adalah

sangat merbahaya kepada sistem demokrasi yang dianuti di negara kita. Kita bernasib baik sebelum orang-orang yang tidak bertanggungjawab merancang, mengadakan satu siri pilihanraya kecil yang simpatik dengan tujuan jahat, iaitu melemahkan jentera Kerajaan dan mengalih atau divert, dengan izin, perhatian Kerajaan daripada pembangunan negara kepada menghadapi satu siri pilihanraya kecil, dengan ini kita dapat menahan kemungkinan pilihanraya-pilihanraya kecil dengan undang-undang baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, Perlembagaan kita memberi peruntukan pilihanraya setiap 5 tahun sekali, kita memilih dan memberi mandat kepada Wakil Rakyat dengan cara demokratik untuk berkhidmat dan menjaga kepentingan rakyat. Wakil-wakil Rakyat itu tidak sepatutnya menggunakan mandat yang diberi kepada mereka oleh rakyat untuk menguji kekuatan dan populariti mereka, cuma untuk memuaskan nafsu mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, apakah gunanya atau faedahnya kepada rakyat dan negara dengan pengujian kekuatan seseorang Wakil Rakyat dalam pilihanraya.kecil? Adakah kemenangan mereka itu akan menukar Kerajaan atau dasar-dasar Kerajaan, malah ianya akan membazir wang ringgit, masa dan tenaga rakyat. Jumlah wang yang besar terpaksa dibelanjakan bagi tiap-tiap pilihanraya kecil.

Tuan Yang di-Pertua, pilihanraya-pilihanraya kecil yang disebabkan dengan sukarela ini adalah luar biasa dalam negara kita. Oleh Itu pilihanraya-pilihanraya kecil seperti ini akan menarik perhatian ramai dan juga akan mewujudkan ketegangan dan kemungkinan besar berlakunya sesuatu kekacauan.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya sempat menyaksikan penamaan calon di Pantai Merdeka, Sungai Petani. Satu penamaan calon diadakan pada 12hb Mac, 1990 berikutan dengan kematian Wakil Rakyat di Pantai Merdeka. Penamaan calon itu diadakan di Pejabat Majlis Daerah Kuala Muda, beribu-ribu orang penyokong parti masing-masing ikut calon mereka. Calon dari dua parti bertanding, mulai daripada pukul 9.30 pagi hingga pukul 12.40 tengahari. Apabila Pengurus Pilihanraya penamaan calon itu mengumumkan nama calon-calon yang bertanding itu, penyokong daripada kedua-dua pihak, kedua-dua parti bersorak-sorak, menyanyi-nyanyi dan berlumba-lumba datang ke depan Pejabat Pusat Penamaan Calon. Sepanjang masa keadaannya tegang, beberapa orang pegawai polis mengawal keadaan di situ dan beberapa orang FRU terpaksa dipanggil untuk mengawal keadaan yang bertambah tegang sebelum pengumuman calon-calon dibuat. Selain daripada penyokong parti atau calon masing-masing, apa yang saya dapat melihat pada hari itu ialah lebih kurang 500 orang pekerja-pekerja, kerani-kerani dan pegawai-pegawai Kerajaan yang bertugas di Pejabat-pejabat berhampiran dengan Pusat Penamaan Calon itu tidak dapat menjalankan tugas mereka, dan mereka pun turut menyaksikan penamaan calon itu dari pagi sampai tengahari.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pilihanraya kecil di Pantai Merdeka itu tidak disengajakan, tetapi kita dapat satu gambaran daripadanya akan keadaan pilihanraya-pilihanraya kecil yang akan datang. Mahukah kita keadaan-keadaan seperti itu di negara kita? IMDang-undang baru ini akan mengelakkan wujudnya ketegangan seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat beberapa orang Pembangkang membantah Rang Undang-undang ini, mereka menuduh Barisan Nasional menggunakan majoriti 2/3 sewenang-wenangnya, mereka pula mengatakan tidak adil dihalang sebarang Wakil Rakyat daripada meletakkan jawatan dan menguji sokongannya melalui pilihanraya kecil, kononnya menguji kekuatan itu adalah demokrasi.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak harus dengar rungutan-rungutan atau bantahan-bantahan daripada mereka kerana kuasa akhirnya adalah di tangan rakyat. Merekalah yang memberi mandat dan kita haruslah mengelakkan penyalahgunaan mandat rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu, sekali lagi saya menyokong penuh Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 1990. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau tidak ada sesiapa yang hendak bercakap lagi, di sini saya raenjemput Timbalan Menteri dari Jabatan Perdana Menteri untuk menjawab.

5.01 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, pertama-tama saya suka mengucapkan syabas dan setinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat; Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin, Yang Berhormat Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya, Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang, Yang Berhormat Dato' Azumu bin Tak dan Yang Berhormat Tuan P. Balaram yang telah turut membahas Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebentar tadi.

Segala pandangan, hujah dan teguran, sokongan yang telah dibuat adalah sesungguhnya bernas dan konstruktif dan syor-syor yang dikemukakan akan mendapat perhatian daripada pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana kita semua maklum bahawa Perlembagaan adalah suatu landasan yang kukuh bagi perjalanan corak pemerintahan negara ini. Ia adalah perkara yang serius, begitu juga

sebarang pindaan terhadapnya adalah tujuan dan langkah yang serius.. Ia dibuat semata-mata untuk rakyat, dibuat untuk political stability, dengan izin, dan ia dibuat untuk memberi manfaat kepada negara dan rakyat. Oleh itu, ia bukan satu perkara yang main-main, lantaran itu pindaan yang dibuat ini adalah asas yang menolak atau berkompromi dengan ego seseorang atau kumpulan.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin bahawa kita tidak boleh kompromi dengan ego seseorang, dengan kejantanan seseorang dengan hanya semata-mata seseorang itu menerima cabaran, maka kita boleh mengadakan pilihanraya apabila beliau atau mereka meletakkan jawatan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini sepertimana yang telah disebut oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ketika membentangkan sebentar tadi adalah keinginan negara untuk mencapai satu Perlembagaan yang mantap ke arah mewujudkan kestabilan negara. Negara yang maju adalah negara yang politiknya stabil di negara tersebut dan tujuan daripada pindaan Perlembagaan ini adalah semata-mata untuk kita melahir dan mewujudkan satu negara yang politiknya stabil, yang boleh memberi manfaat kepada seluruh rakyat di negara ini.

Menyentuh perkara yang disebut berkaitan dengan hak asasi manusia, seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat bahawa hak asasi manusia atau human rights adalah satu perkara yang belakang. Yang penting adalah community rights acaupun social rights, iaitu hak ramai. Apabila hak ramai ini telah kita perkukuhkan, maka hak ramai inilah yang menjadi penentuan, bukanlah hak asasi manusia yang menjadi ukuran di dalam kita menentukan pembangunan dan pertumbuhan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih apa yang telah disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator Puan Ainon binti Ariffin, Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya dan Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang yang menyangkut soal human rights ini. Maka, human rights ini adalah-diletak kepada satu asas yang tertentu. Di dalam kita melahirkan satu masyarakat yang sejahtera, harmoni, maka community rightslah yang perlu diketengahkan lebih daripada human rights bagi kesejahteraan negara.

Tuan Yang di-Pertua, soal yang disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi soal provokatif. Pindaan Perlembagaan ini seperti saya nyatakan bahawa ia tidak sama sekali ada kompromi, soal ego dan provokatif seseorang Wakil Rakyat. Apakah Wakil Rakyat itu semata-mata untuk menegakkan kejantanannya, untuk memperlihatkan popularitinya maka dia boleh meletak jawatan dan ini, seperti yang disebut oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang membahas adalah menyusahkan rakyat jelata.

Kita lebih mementingkan rakyat agar rakyat tidak dibebani dengan segala kesusahan, dengan segala malapetaka semata-mata kerana seseorang Wakil Rakyat itu hendak mengenengahkan populariti yang dicabar oleh rakan-rakan atau lawannya dan dia meletakkan jawatan semata-mata untuk kepentingan dirinya, tetapi bukan untuk kepentingan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong agar Pasal 4, Perkara 139 dan Fasal 2, Perkara 141 yang menyangkut penambahan bilangan anggota Suruhanjaya dan saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong agar pindaan ini

menyangkut juga perletakan jawatan seorang Ahli Dewan Undangan Negeri yang turut akan kehilangan kelayakannya untuk menjadi Ahli Dewan apabila meletakkan jawatan baik di Dewan Undangan Negeri mahupun di Dewan .Negara.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ucapkan terima kasih dan seperti saya sebut bahawa segala pandangan, syor dan teguran adalah merupakan teguran dan pandangan yang konstruktif akan diarahkan dengan serius oleh pihak Kerajaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Mengikut peruntukan Perkara 159 Perlembagaan, Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) ini memerlukan sokongan pada bacaan kali yang kedua dan ketiga dengan undi sebanyak tidak kurang daripada dua pertiga dari jumlah bilangan Ahli Majlis Dewan ini. Oleh kerana itu, Majlis Dewan ini akan mengadakan belah-bahagian sekarang. Setiausaha, sila bunyikan loceng selama dua minit.

Loceng dibonyikan

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Dewan belahbahagian.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli .Yang Berhormat Yang menjadi Penghitung Undi, sila ambil tempat masing-masing.

Undian dijalankan sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak mengumumkan keputusan pengundian.

Yang Bersetuju ialah 47 [Tepuk].

Yang Tidak Bersetuju, 0 [Tepuk].

Bersetuju dengan sebulat suara. [Tepuk]

Rang Undang-undang di bacakan kali yang kedua sekarang.

YANG BERSETUJU:

YANG TIDAK BERSETUJU:

YANG TIDAK MENGUNDI:

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa,

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Majlis mesyuarat bersidang semula

Bacaan Kali Yang Ketiga

Timbaian Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang bernama Suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan telah dicimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah diper-setujukan tanpa pindaan.

Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri Perumahan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]: - Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Masalah ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Majlis mesyuarat akan mengadakan belahbahagian sekali lagi.

Setiausaha, sila bunyikan loceng selama dua minit.

Loceng di bunyikan.

Dewan belahbahagian.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat yang menjadi Penghitung Undi, sila ambil tempat masing-masing.

Undian dijalankan sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak mengumumkan keputusan pengudikan.

Yang Bersetuju, 47.

Yang Tidak Bersetuju, 0.

Bersetuju dengan sebulan suara.

Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. [**Tepuk**]

YANG BERSETUJU:

YANG TIDAK BERSETUJU :

YANG TIDAK MENGUNDI:

Tiada.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PILIHANRAYA (PINDAAN)**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

5.28ptg.

Timbalan Menteri. di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Drs Saleiman bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang yang dinamakan Akta Pilihanraya (Pindaan) 1990 dibacakan kali kedua sekarang.

Rang Undang-undang Pilihanraya (Pindaan) 1990 adalah bertujuan untuk meminda Akta Pilihanraya, 1958 bagi maksud-maksud berikut:

- (1) Meminda takrif tempat mengundi bagi memperluaskan penggunaannya sebagai tempat mengira undi;
- (2) Memberi kuasa kepada ketua tempat mengundi menolak kertas-kertas undi tidak sah atau yang tidak boleh diterima; dan
- (3) Meminda istilah yang terdapat dalam teks Bahasa Malaysia daripada "pegawai pengetua" kepada "ketua tanpat mengundi".

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya mengemukakan kepada Dewan yang mulia ini latar belakang dan asas pindaan yang dicadangkan di dalam Rang Undang-undang ini.

Suruhanjaya Pilihanraya telahpun menjalankan sistem pengiraan undi yang dipusatkan (centralised counting) semenjak pilihanraya dijalankan di negara ini. Selaras dengan kemajuan negara kita dari

segi perhubungan, pengurusan serta kemudahan-kemudahan lain maka Suruhanjaya Pilihanraya berpendapat sistem yang telah berjalan sejak beberapa lama ini perlu dipinda dan digantikan dengan sistem yang baru iaitu pengiraan undi di tempat mengundi,

Mengikut sistem pengiraan undi yang dicadangkan, pengiraan undi dijalankan di terapat mengundi oleh ketua terapat mengundi sendiri dan tidak oleh pegawai pengurus di satu pusat pengiraan undi bagi sesuatu bahagian pilihanraya seperti yang dilakukan sekarang. Walau bagaimanapun, bagi kawasan-kawasan tertentu di mana didapati pengiraan undi di tempat mengundi tidak dapat diadakan, sistem yang wujud sekarang masih boleh dipakai dengan sedikit pindaan.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua, dengan menggunakan sistem yang dicadangkan ini, perkara-perkara berikut akan diwujudkan:-

- (i) Tiap-tiap tempat mengundi menjadi tempat mengira undi dan kakitangan pengundian yang sama akan dijadikan kakitangan yang bertanggungjawab bagi pengiraan undi. Agen-agen calon bolehlah mengawasi sepanjang pengiraan undi berjalan.
- (ii) Setelah pengiraan undi selesai, keputusan sementara bolehlah disampaikan menerusi telefon atau alat semboyan kepada Pegawai-pegawai Pengurus.
- (iii) Pegawai Pengurus akan menjumlahkan kesemua keputusan untuk menentukan calon yang menang.
- (iv) Keputusan muktamad hanya akan diumumkan oleh pegawai pengurus menerima penyata pengundian dari Ketua Tempat Mengundi.

Sistem mengira undi di tempat mengundi ini akan memberi beberapa kebaikan seperti berikut:

- (a) Keputusan pilihanraya akan dapat diperolehi dengan lebih cepat, iaitu antara jam 8.00 malam, hingga jam 9.00 malam. Ketua Tempat Mengundi akan hanya mengira paling banyak 700 kertas undi atau 1,400 kertas undi sekiranya Pilihanraya Parlimen dan Dewan Undangan Negeri dijalankan serentak. Mengikut sistem yang berjalan sekarang semua peti-peti undi mestilah sampai ke tempat pengiraan undi sebelum pengiraan undi dapat dimulakan. Dengan cara ini pengiraan undi biasa hanya

dapat dimulakan pada kira-kira jam 8.30 malam dalam mana purata sebanyak kira-kira 100,000 kertas undi bagi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri yang akan dikira. Kebanyakan keputusan pengundian biasanya dapat diketahui hanya selepas jam 1.00 pagi keesokan harinya.

- (b) Sistem baru ini akan mewujudkan suasana yang lebih aman dan tenteram dengan mengalihkan tuanpuan dan perhatian penyokong-penyokong parti dan orang ramai ke beberapa tempat mengira undi berbanding dengan ke satu pusat pengiraan undi sahaja seperti yang berlaku sekarang. Keadaan kelam-kabut, suasana tegang serta gangguan-gangguan seperti yang dihadapi sekarang dapat dielakkan.
- (c) Pergerakan peti undi sebelum kertas undi dikira dapat dielakkan. Pada masa ini telah tirabul tohmahan-tohmahan yang tidak berasas di kalangan beberapa pihak yang mendakwa kononnya peti undi ditukar ganti ketika dalam perjalanan ke tempat mengira undi. Dengan pelaksanaan sistem baru ini maka tohmahan-tohmahan demikian dapat diatasi dan akan meraberi keyakinan kepada semua pihak.
- (d) Sistem ini akan menjelaskan kedudukan jumlah undi sebenar bagi Pilihanraya Parlimen dan Dewan Undangan Negeri. Mengikut sistem yang ada sekarang disebabkan pengiraan undi-dijalankan di satu pusat sahaja telah timbul keraguan di kalangan beberapa pihak berhubung dengan perbezaan jumlah undi, Parlimen dan Negeri, dalam bahagian Parlimen yang berkenaan.
- (e) Sistem ini juga akan dapat mengelakkan dan mengurangkan kesilapan pengiraan undi kerana jumlah kertas undi yang dikira bagi satu-satu tempat mengira undi adalah kecil jumlahnya. Sistem ini juga menggunakan kertas pengumpulan maklumat, tally sheet dalam mana-

mana agen mengira undi berpeluang sama tncatat undi-undi yang diperolehi oleh calon-calon. Ini dapat mengelakkan tohtnahan-tohmahan yang tidak benar di kalangan setengah-setengah pihak bahawa kononnya Kerani-kerani mengira undi dengan sengaja menyalah-kira kertas-kertas undi antuk faedah calon tertentu.

Sistem pengiraan undi di tempat mengundi bukanlah merupakan satu sistem asing. Sistem ini telah dilaksanakan dengan jayanya di kebanyakan negara maju dan juga negara-negara membangun seperti Kanada, Australia dan New Zealand. Dalam masa yang sama saya memberi jaminan bahawa pihak Kerajaan akan memberi segala sokongan dan kemudahan bagi raemudahkan Suruhanjaya Pilihanraya menjalankan sistem ini dengan jayanya.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan ke atas Akta ini tidaklah menunjukkan peraturan-peraturan pengiraan undi secara terperinci. Peraturan-peraturana secara terperinci akan disediakan oleh Suruhanjaya Pilihanraya mengikut kuasa yang ada padanya di bawah Seksyen .16(1)(j) Akta Pilihanraya,1958.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi pindaan yang dicadangkan ialah meminda istilah Pegawai Pengetua sebagaimana yang terdapat dalam teks Bahasa Malaysia kepada Ketua Tempat Mengundi. Istilah Ketua Tempat Mengundi ini lebih sesuai digunakan dan istilah ini digunakan dalam Peraturan-peraturan Pilihanraya (Perjalanan Pilihanraya), 1981.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan sistem pengiraan undi yang hendak dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pilihanraya adalah satu sistem yang boleh raengurangkan berbagai masalah yang tclah diterangkan sebentar tadi, maka saya percaya seraua Ahli-ahli Yang Berhormat tidak akan ragu-ragu memberi sokongan kepada pindaan ini. Saya percaya dengan "wujudnya sistem baru ini berbagai tuduhan berkaitan dengan pengiraan undi ini dengan sendirinya.akan terhapus. Ini akan

meringankan beban Suruhanjaya Pilihanraya di dalam menjalankan urusannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementarian Perdagangan dan Perindustrian

[Dato Dr K.S. Nijhar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Pilihanraya, 1958 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Dato' Azumu Tak.

5.36 ptg.

Dato' Azum bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyokong Rang Undang-undang bernama- Suatu Akta untuk meminda Akta Pilihanraya, 1958.

Saya amat bersetuju terhadap segala yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi dan mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana sebegitu cekap memikirkan dalam aliran masa ini dapat memikirkan cara-cara supaya keputusan pilihanraya dapat diketahui dengan secepat mungkin, Kita tahu bahawa di masa-masa yang lalu juga cara-cara pengiraan telah dibuat dengan begitu baik, sungguhpun ada sedikit-sebanyak tohmahan mengatakan bahawa ada penyelewengan dan sebagainya berlaku. Ini tidak benar, cuma orang yang kalah itu mencari sebab kenapa ia kalah. Dengan adanya cara yang baru **ini**, saya fikir semua pihak akan berpuas hati terhadap cara-cara pengiraan yang akan dibuat oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

Tuan Yang di-Pertua, cuma sedikit teguran yang ingin saya buat di sini ialah tentang penukaran nama daripada Pengurus ditukar kepada Ketua Tempat Mengundi. Sungguhpun saya tidak begitu baik di dalam bahasa dan sebagainya, tetapi saya rasa nama perkataan baru

Ketua Tempat Mengundi ini tidak begitu saintifik. Sekarang ini berbagai-bagai jawatan di peringkat Kerajaan namanya begitu sedap, Pengarah, Pengurus dan sebagainya. Kalau begitu, saya fikir nama yang lebih sesuai adalah sebagai ringkas, Ketua Undi sahaja, tidak perlu disebut Ketua Terapat Mengundi. Saya berasa nama seumpama ini seperti nama budak-budakan sedikit, tidak begitu saintifik, tidak begitu berupa moden sedikit. Saya harap Kerajaan dapat memikirkannya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajjah Salbiah.

5.39ptg.

Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memperkatakan sedikit berkenaan suatu Akta untuk meminda Akta Pilihanraya, 1958 sebagaimana yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, iaitu biasanya kita membuang undi di beberapa kawasan, maka ada satu sahaja tempat kiraan undi di waktu malam di dalam perjalanan yang senang, raaka peti undi itu selamat dan cepat sampai. Tetapi dengan adanya pindaan ini, saya raea kita bukan kerana takut kepada Pembangkang, tetapi atas cakap-cakap mercka, kita pun ubah untuk hendak buat sedemikian rupa, tetapi yang sebenarnya kita yang lebih senang.

Apabila dipinda Akta ini, di mana tempat mengundi, di situ dikira, adalah bagi pihak kita yang menguruskan pilihanraya itu yang paling senang sekali.

Jadi, bukan kerana kita takut kepada Pembangkang. Kalau kita buat sebaik-baik pun, dia mesti tldak puas hati juga, mesti mengeji sebab itu adalah kerja dia. Pada pendapat saya, kalau kita buang undi di kawasan icu, kita kira undi di situ - tidak susah, kita-boleh menjimatkan perbelanjaan. Bukan sahaja kita menjimatkan perbelanjaan kenderaan, kita juga lebih selamat, tidak takut di tengah jalan dan tidak memakan masa yang panjang di dalam perjalanan. Maka dengan segera dan cukup masa pengiraan kita boleh jalankan dan kita juga tidak payah menggunakan masa yang panjang. Kalau satu kawasan pilihanraya ada beberapa kawasan tempat mengundi, maka di tiap-tiap kawasan membuang undi itu kita akan kira undi, dengan secepat mungkin kita dapat tahu. Ini adalah satu perkara yang sangat baik yang patut kita sokong dengan sepenuhnya.

Tentang Pembangkang itu dia meraang sedap. Hari ini apa yang Pembangkang tidak pernah puji, tidak pernah berterima kasih kepada Kerajaan walaupun dia menikmati kemudahan-kemudahan dalam negara ini, mempunyai kekayaan, kemewahan setengahnya daripada dalam negara ini. Dengan sebab dia Pembangkang, maka yang baik itu tidak ada padanya. Tni sifat dia. Kadangkala, Tuan Yang di-Pertua, sifat Pembangkang ini perkara itu dia yang buat tidak baik, untuk hendak menghilangkan keburukan mereka itu, maka mereka membangkitkan bahawasanya kita yang buat. Kita pun kadang-kadang terkejut, maka kita pan bimbang. Sikap ini patut kita ubah. Umpamanya pada hari ini pilihanraya sedang-berlaku dalam satu kawasan dalam negeri kita, tetapi kita daripada Kerajaan ini orang yang berbudi bahasa, kita tidak boleh hendak keluar kalam atau mengeluarkan kata-kata yang tidak baik kepada orang walaupun dia Pembangkang.

Tetapi mereka selantang-lantangnya memperkatakan Kerajaan ini boleh mengakui perkara yang dahulu **itu**. Kalau kita semua baca suratkhbar hari **ini**, dia boleh mengakui masa dahulu itu tidak mengapalah, pada hari ini sudah baik - sampai macam itu sekali. Ini sifat-sifat hendak pancing undi.

Jadi, dengan adanya Akta ini dan juga Akta yang telah diluluskan **tadi**, mudah-mudahan kita bertambah berjaya, bertambah memberi kesenangan untuk kita menjalankan tugas-tugas kita di dalam pilihanraya. Dan juga mungkin kita tidak payah menggunakan begitu ramai orang, apabila kita hendak kira undi, tidak begitu sibuk, sebabnya kalau kita pergi kepada satu kawasan, semua orang kawasan lain ingin mendapat tahu. Dia akan berkumpul di satu tempat yang begitu ramai, maka macam-macam boleh berlaku. Tetapi kalau kita kira di tempat mengundi, tidak ramai orang yang berkumpul di situ. Maka ini juga memberikan kesejahteraan dan keselamatan kepada kawasan-kawasan pilihanraya, kawasan-kawasan peti undi **itu**.

Dengan ini saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya aatu Akta untuk meminda Akta Pilihanraya, 1958. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin.
5.45 ptg.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin turut untuk berhujah dengan menyokong penuh kepada Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pilihanraya, 1958.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah mendengar tadi perabentangan tnegapa perlunya pindaan ini dibuat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang juga merupakan Wakil Rakyat saya sendiri.

Beliau telah membentangkan hujah-hujah yang begitu konkrit dan begitu jelas serta merangkumi kesemua faedah pro dan kontra kepada pindaan Perlembagaan ini. Mereka yang siuman, mereka yang hatinya ikhlas, mereka dari kalangan rakyat yang cintakan -keadilan, kedamaian, kesejahteraan, keharmonian memang menyokong penuh kepada pindaan Akta ini yang dirasakan oleh mereka setelah kita buat tinjauan sudah agak terlewat sedikit kita buat, Tuan Yang di-Pertua.

Seharusnya kita pinda Akta ini selepas sahaja pilihanraya pada tahun 1982 dahulu kerana ada peristiwa-peristiwa yang disebutkan oleh Timbalan Menteri itu berlaku di tempat pengiraan-pengiraan undi. Dan ada beberapa tuduhan-tuduhan yang tidak berasas telah dilemparkan oleh parti-parti Pembangkang kepada Suruhanjaya Pilihanraya yang menjalankan pengundian secara adil dan secara yang dituntut oleh Akta ataupun undang-undang negara kita. Seharusnya masa itu "sudah dipinda. Tetapi Kerajaan kita memang satu Kerajaan yang adil, saya sebutkan lagi perkataan, yang suka bertolak ansur dan yang tidak mahu mengenakan sesuatu yang agak boleh merumitkan pihak-pihak tertentu walaupun disukai oleh rakyat ramai.

Jadi, pindaan ini yang menyebat Seksyen 2, Akta Pilihanraya 1958, yang berbunyi: "tempat mengundi" ertinya mana-mana bilik, binaan, kereta atau vesel, di tempat yang ditetapkan di bawah seksyen 7, yang dikhaskan dan dilengkapkan bagi maksud mengundi dan Pengiraan undi. Kemudian Seksyen 16 .Akta Ibu juga dipinda dengan perkataan "Pengurus" ditukar kepada "atau Ketua Tempat Mengundi". Bermakna kedua-dua pindaan ini, yang satu mana sahaja tempat yang dijadikan sebagai tempat mengundi boleh dan sah dikira .undi yang dibuang di peti undi yang berkenaan, di kawasan yang berkenaan dengan aturan dan peraturan tertentu yang memang terkawal,

yang memang **teliti**, yang akan dibuat oleh pihak Suruhanjaya Pilihanraya

Sahabat saya tadi menyebut dia kata perkataan yang hendak dipinda daripada 'Pengurus' kepada 'Ketua Tempat Mengundi' itu tidak begitu tinggi nilai atau tidak saintifik, bunyinya tidak tncampat. "Ketua Tempat Mengundi" paujng sangat, ada lebih baiknya "Ketua Peti Undi" atau lain-lain. Pada pendapat saya, Akta ini sudah jelas dikatakan "Ketua Tempat Mengundi" ertinya terang jelas, "Ketua Tanpat Mengundi" berhak menentukan segala pengiraan undi, segala hal ehwal masalah pengundi di kawasan itu. Jadi, nama dan jawatan itu sesuai dengan tanggungjawabnya dan ini tidak lagi boleh dimanipulate atau hendak diputarbelit atau disalahgunakan atau disalahmengerti-tafsirkan oleh pihak-pihak lain terutama pihak-pihak dari golongan yang frustrated atau yang sentiasa merasa tidak puas hati, memang tidak puas hati, kalah apatah lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini merupakan satu kesyukuran lagi kepada pihak pengendali Suruhanjaya Pilihanraya, Kerajaan yang memerintah atau siapa sahaja yang akan memerintah, tetapi saya tidak fikir selain daripada BN boleh memerintah dan juga kepada calon-calon dan juga kawasan undi yang berkenaan. Saya setuju dengan pendapat sahabat saya, Senator Salbiah, bahawa dengan ini penyelarasan dan kelicinan sesuatu kecepatan keputusan dan perkara-perkara titik-bengik yang selalunya berlaku dapat diselaras dan diuruskan dengan sempurna. Selain daripada itu, dapat juga mengelakkan penyelewengan-penyelewengan sekiranya ada penyelewengan, kerana peti undi itu setelah rakyat ataupun orang ramai di kawasan berkenaan mengundi, selepas semua siap, cukup jam yang ditentukan, maka peti undi itu dibawa dengan beberapa peraturan

yang tertentu, kedua-dua pihak yang, bertanding ada di sana, wakil-wakil calon ada di sana, wakil-wakil peribadi ada di sana, calon-calon ada di sana boleh meneliti sendiri undi-undi dalam peti berkenaan. Dan apabila ianya dikira, maka dengan jelas dan nyata kedua-dua pihak akan dapat menengok sendiri, meneliti sendiri. Pasti sahaja tidak akan timbul, tidak akan boleh dibuat apa-apa penyelewengan pun Tuan Yang di-Pertua.

Dan selain daripada itu, satu lagi kebaikannya ialah Kerajaan atau parti-parti, saya tarik balik perkataan Kerajaan, kepada parti-parti yang bertanding itu mereka akan dapat tahu dengan sendirinya, mengukur dengan mata kepalanya, membuat beberapa rumusan atau membuat analisa dengan sendirinya apabila siap pengundian dibuat di kawasan berkenaan. Katalah, kawasan peti undi nombor satu, didapati di situ BN yang banyak penyokongnya, Pembangkang tiada. Jadi, ini menyedarkan Pembangkang bahawa mereka tidak dicerima dan kalau di situ Pembangkang yang lebih, BN boleh meneliti bagaimana mereka ini menyokong Pembangkang. Mungkin ada silap salahnya atau dari segi mana kerja-kerja Wakil Rakyat yang lalu atau lain-lain boleh dikenalpasti. Dan ini menguntungkan kedua-dua pihak, bukan satu pihak sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Selain daripada itu juga dengan kemodenan cara yang ada pada ketika ini di negara kita, dengan adanya komputer dan lain-Lainnya, maka seperti kata Timbalan Menteri yang membentangkan pindaan Akta ini tadi, kecepatan keputusan undi dapat dijalankan dengan jangka taasa segera. Kita tnalu dengan dunia luar, Begitulah kita ini majunya dari sains dan teknologinya dan perhubungan dalam negara kita ini tidak ada gangguan banyak seperti negara-negara lain yang masib ada banyak hutan belukar, yang tidak ada jalan raya dan tidak ada perhubungan yang baik tetapi di Malaysia segala-galanya hampir keseluruhannya 80% sudah up-to-date dari segi perhubungan ini, tetapi kita masih juga menerima keputusan pilihanraya kadang-kadang pilihanraya kecil pun hingga sampai pukul 4.00 pagi atau ada kalanya hingga sampai pukul 8.00 pagi hari esoknya iaitu selepas

hari mengundi.

Jadi, dengan ini kita dapat menyelaraskan kemajuan teknologi, kemajuan kepesatan pembangunan, perhubungan di negara kita ini dengan perjalanan pilihanrayanya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan rasa sukacitanya, saya menyokong penuh kepada pindaan Akta Pilihanraya 1958 ini, walaupun ianya tidak disenangi oleh parti-parti Pembangkang yang takut, yang sangat takut kalau-kalau tembelangnya terbuka dan yang sangat bimbang kalau-kalau ada tipu muslihat yang hendak dijelankannya lagi dalam pengundian ini tak dapat dilaksanakan dengan adanya Akta ini dan dengan satu penyelarasan baru yang telah difikirkan oleh pihak Kerajaan, oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang bijaksana bagi menyelamatkan, memudahkan dan bagi menentukan keadilan itu berjalan dengan baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong pindaan Akta ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Dr. Chong Eng Leong.

5.53 ptg.

Dr. Chong Eng Leong (Sabah): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana temberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Pilihanraya 1958 (Pindaan) ini.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu tahniah kepada Kerajaan kerana telah mengambil perhatian untuk mengurang tenaga manusia, mengurang perbelanjaan dan menjimatkan masa serta mengelakkan masalah apabila membentangkan pindaan ini. Kita patut menjimatkan perbelanjaan di mana yang boleh apabila perlu. Kita mahukan keputusan dengan seberapa segera yang boleh. Sesungguhnya agak letih bagi

setiap orang yang bekerja di sepanjang tempoh berkempen sehingga hari mengundi. Mereka yang pernah menjadi calon tentu masih ingat pengalaman yang meletihkan ini. Oleh itu, keputusan yang awal akan membolehkan kita serau tidur lebih awal. Pengiraan undi di tempat mengundi tentulah membolehkan keputusan diketahui lebih awal.

Tuan Yang di-Pertua, masalah mengangkat peti-peti undi, masalah memetriai dan menanda peti-peti ini oleh parti-parti yang bertanding, keraguan tentang kemungkinan peti-peti ini dicuri ataupun ditukar, kesemuanya terhapus dengan begitu mudah sahaja melalui pindaan ini.

Namun demikian, sila renung sejenak, mungkin perubahan ini sesuai malahan berfaedah bagi tempat-tempat mengundi di Semenanjung. Bagaimanapun, sila perhatikan keadaan yang berlainan di Sabah. Mungkin juga keadaan di Sabah sama juga dengan keadaan di Sarawak.

Pertama, Tuan Yang di-Pertua, kita selalunya mengadakan hari pembuangan undi yang berperingkat-peringkat, staggered polling, dengan izin. Sebahagian tempat memerlukan dua hari pembuangan undi. Tentulah keputusan tidak patut diumumkan pada hari pertama kerana ia akan mempengaruhi pembuangan undi pada hari kedua.

Tuan Yang di-Pertua, tidak mungkin seseorang dapat menyimpan rahsia dalam perkara ini kerana keadaan air mukanya pun cukup memberikan fahaman kepada orang lain. Walaupun keputusan tidak diketahui, cerita boleh direka dalam pelbagai bentuk untuk kepentingan parti-parti yang bertanding, semata-mata bertujuan untuk mempengaruhi pengundi-pengundi bagi keesokan harinya.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, banyak tempat mengundi di Sabah, khasnya di luar bandar ditempatkan di balai raya. Di Sabah, balai raya-balai raya itu tiada dinding ataupun hanya mempunyai satu

dinding. Tempat-tempat ini merupakan pentas terbuka. Ada juga tempat-tempat raengundi di bandar ditempatkan di pentas-pentas terbuka. Misalnya di Kota Kinabalu di Padang Bandaran Kota Kinabalu, juga di hadapan Hospital Queen Elizabeth di Kota Kinabalu. Tempat mengundi itu adalah pentas-pentas terbuka.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan daripada balai raya di luar bandar tiada mempunyai bekalan elektrik, hanya lampu pam yang menggunakan minyak tanah. Jadi, dengan hanya satu dinding, ini pun jika ada, disertai dengan lampu yang tidak terang dan sekiranya hujan kuat dan angin kuat, bagaimanakah mereka boleh mengira undi. Bayangkan apabila mengira dalam keadaan demikian, kemungkinan besar kertas-kertas undi akan ditiup angin. Perlu diingatkan bahawa dengan kehilangan hanya satu undi, keputusan akan mungkin menjadi tidak sah. Akhirnya keputusan beberapa kawasan pilihanraya mungkin terpaksa diisytiharkan sebagai tidak sah.

Jika ini berlaku banyak pilihanraya kecil mungkin terpaksa diadakan seroula dan akan mengakibatkan lebih banyak lagi perbelanjaan oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

Ketiga, Tuan Yang di-Pertua", ialah sebab-sebab keselamatan'. Setiap kita sedar tentang keadaan tegang semasa mengira undi. Sebab itulah diadakan pegawai keselamatan bersenjata di tempat-tempat mengira undi. Bayangkan mengira undi di pentas terbuka dengan lampu yang kabur di balairaya dengan satu dinding. Orang-orang kampung tentunya berkumpul di sekeliling atas. galakan . parti-parti bertanding. Suasana ini tentulah menimbulkan kemarahan. Kemungkinan terjadinya gangguan oleh orang ramai tetap wujud. Inilah akan mengakibatkan keputusan mungkin tidak sah juga.

Tuan Yang di-Pertua, inilah sebab-sebab mengapa mengira undi di tempat-tempat mengundi di Sabah tidak sesuai dijalankan.

Tuan Yang di-ParEua dan Senator-senator seperjuangan, dengan sebab-sebab di atas saya berharap kita semua renungkan perkara ini seketika apabila memberi undi terhadap Rang Undang-undang ini. Kita tidak membentangi semata-mata untuk tujuan membentangi sahaja. Tetapi apabila metnpertimbangkan mana-raana Rang Undang-undang dan kita dapati sebab-sebab munasabah untuk membentangnya kita haruslah membentangi dengan hati yang waras tanpa .ragu-ragu.

Taan Yang di-Pertua, saya tidak dapat bersetuju dengan Rang Undang-undang ini kecuali Sabah diberikan pengecualian. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mustafa bin Awang.

6.03 ptg.

Tuan Mustafa bin Awang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama membahas Suatu Akta untuk meminda Akta Pilihanraya, 1958.

Saya sama sekali menyatakan setuju dengan pindaan ini dengan cara tulus ikhlas. Dan saya tidak sependapat dengan saudara Yang Berhormat daripada Sabah yang hanya menitikberatkan mengenai dengan teknikal kerana undang-undang dan teknikal adalah berbeza. Ini adalah undang-undang dibuat bagi kepentingan umum.

Mengenai dengan tempat mengundi boleh ataupun "bisa diatur" oleh jabatan-jabatan yang terlibat. Saya tidak fikir bahawa Kerajaan Malaysia ini melalui agensi-agensinya apabila hendak menetapkan sesuatu tempat mengundi dibuat di tempat yang tidak sempurna. Kita yakin bahawa apabila sesuatu tempat mengundi ini tidak sempurna sama ada bangunannya, kemudahan-kemudahan asas seperti api dan lain-lain, maka saya yakinlah bahawa agensi yang berkenaan ini tidak akan melakukan sedemikian itu.

Pada kesimpulan saya bahawa sebelum sesuatu pengundian itu dijalankan sama ada di Semenanjung ini ataupun Sabah dan Sarawak tentulah agensi yang akan melaksanakan urusan-urusan pilihanraya ini akan menyiasat, mengkaji dengan teliti bagi melaksanakan undang-undang yang sedang dibahas ini.

Saya yakin Kerajaan Barisan Nasional yang sedang memerintah negara ini tidak akan membiarkan keadaan-keadaan ataupun tempat-tempat yang akan diadakan pengundian itu sehingga bangunannya tidak berinding, sehingga lulus angin meniup kertas undi. Kita faham bahawa sekalipun satu kertas undi hilang, maka pengundian itu tidak sah, maka kemungkinan ini tidak akan berlaku sebab apabila wujud

ditempat mengundi itu suatu jawatan, namanya Ketua Tempat Mengundi, tidak dapat tidak anak buahnya atau pembantu-pembantunya akan ada dan kertas ini tidak akan hilang. Jadi, dengan sebab itu sekali lagilah saya menyokong bahawa undang-undang ini perlu diadakan. Ini pun pada hemat saya undang-undang ini sudah terlambat. Sepatutnya undang-undang ini dibuat sekurang-kurangnya dalam tahun 1970an atau kalau tidak boleh dalam tahun 1970an undang-undang ini harus wujud dalam tahun 1980an.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka mengingatkan kepada agensi yang akan mengendalikan urusan pengandian negara ini di mana apa yang disebut oleh saudara saya dari Sabah tadi tidak akan berlaku.

Saya juga akui di dalam negara kita ini bukan semuanya tempat mengundi ini bertaraf dalam bandar dan cukup semuanya. Bukan sahaja di Sabah dan Sarawak, malah di Semenanjung ini juga masih ada tempat-tempat pendalaman yang tidak ada kemudahan asas seperti api yang sangat penting.

Jadi, dengan sebab itu selain daripada lampu pam, maka pihak yang akan mengendalikan urusan pilihanraya ini akan menyediakan enjin atau mesin yang boleh mengeluarkan api dan ianya tidak mati supaya tuduh menuduh daripada parti lawan tidak akan berlaku. Dan pernah berlaku di Malaysia ini sedang waktu membilang undi, elektrik padam. Kita tidak tahu apa sebab elektrik padam dan kita yakin bagi pihak Barisan Nasional tidak bersetuju api ini padam, tetapi ianya padam. Tetapi malangnya nasib parti Pembangkang dia menerima kekalahan yang begitu banyak. Barangkali kalau ianya kalah antara 10 hingga 30 undi jelas dan nyatalah bahawa suatu dakwaan di mahkamah akan diadakan oleh parti lawan kerana sewaktu gelap itulah kertas-kertas undi ini dihilangkan dan ditambah dengan kertas undi parti Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya suka ingatkan di sini, sekalipun kita mengakui negara ini sedang menghadapi, sedang menerima zaman sains dan teknologi.

Segala kemudahan kita ada, tetapi kemungkinan-kemungkinan akan berlaku juga akan ada, di mana selain daripada tempat mengundi, kemudahan asas, maka Anggota Keselamatan bagi mengawal keselamatan di kawasan tempat mengundi ini juga sangat perlu, kerana pada heraat saya apabila keadaan ini berlaku dan tentonya akan berlaku kecuali pilihanraya akan dibatalkan di Malaysia, tidak dapat tidak tempat mengundi ini akan menjadi banyak.

Misalnya, bagi satu kawasan pilihanraya Dewan Undangan Negeri sekurang-kurangnya ada lima aliran mengundi atau lebih. Begitu juga dengan kawasan Parlimen di mana satu kawasan Parlimen lazimnya berlaku empat kawasan Dewan Undangan Negeri. Kalau dihitungkan panjang, lima aliran pilihanraya, aliran pengundian pada kawasan Dewan Undangan Negeri, bermakna sekurang-kurangnya 20 tempat mengundi akan diadakan dalam kawasan Pilihanraya Parlimen. Apabila ianya sudah menjadi 20 tempat, maka Pegawai Keselamatan ini diperlukan lebih ramai lagi bagi bukan sahaja mengawal sewaktu mengundi tetapi juga mengawal sewaktu membilang undi, sekalipun undi itu sedikit tidak sepertimana dibilang di Pusat, maksud saya satu sahaja tempat bilangan undi seperti amalan yang telah lalu.

Saya takut apabila keadaan ini berlaku sedemikian, -usaha-usaha ke arah ini tidak diambil kira dengan cara yang serius maka akan berlakulah suatu perkara yang tidak diinginkan ke atas peraturan dan aturan malah undang-undang yang dibuat pada hari ini. Jadi jelaslah ketika itu suatu tempelak akan timbul terutama sekali daripada parti lawan dan mungkin timbul juga daripada Ahli-ahli Dewan yang menjadi

anggota Kerajaan. Pada masa itu saya kira Kerajaan akan mendapat malu kerana tidak tnemperhitungkan dengan cara sungguh-sungguh supaya tidak akan berlaku sepertimana kata pepatah, "sudah terantuk baru tengadah". Kadang-kadang kita apabila seseorang pemimpin mengemukakan sesuatu yang kita fikirkan baik, maka semua orang bersetuju dan tepak tangan. Tetapi apabila ke peringkat perlaksanaannya kurang baik dan kurang sempurna, maka akibatnya, telunjuk kita sendirl akan menikam mata kita dan pada masa itu kita akan sesal tidak berguna lagi.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, saya sekali lagi berharap dari mengingatkan sama ada pihak Kerajaan dan agensi ataupun jabatan yang terlibat secara langaung supaya bekerjasama dan berunding daripada sekarang ini, maksud saya Agensi Pilihanraya, di mana apabila pilihanraya diadakan, Pegawai-pegawai Keselamatan diperlukan. Dari sekarang perlu diatur seramai mana Pegawai Keselamatan ini diperlukan sewaktu pilihanraya diadakan, sekalipun Pegawai Keselamatan kita, .kita tidak menyebut ini khusus untuk pilihanraya, maka dari sekarang ini harus dihitung sejumlah mana banyaknya Pegawai Keselamatan untuk menjaga keselamatan sewaktu pilihanraya diadakan.

Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada Timbalan Menteri di Jabatan Perdana. Menteri yang telah membentangkan Rang Undang-undang ini di Dewan yang mulia ini. Saya juga ingin mengingatkan sedikit iaitu idea ataupun ilham mengadakan undang-undang ini bukanlah datangnya ataupun takut kepada Parti Pembangkang. Ini ialah menunjukkan suatu dalil bahawasanya para

pemimpin Barisan Nasional bijaksana bagi memastikan suasana pilihanraya yang akan berjalan di negara ini pada masa-masa yang akan datang berjalan lancar dengan sempurna.

Dengan kata-kata itu, saya sekali lagi menyokong suatu Akta untuk meminda Akta Pilihanraya 1958. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan C. Krishnan.

6.18 ptg.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, saya bangon untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan suatu Akta untuk meminda Akta Pilihanraya 1958.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa negara kita adalah sebuah negara yang mengamalkan demokrasi berparlimen. Suruhanjaya Pilihanraya telahpun mengendalikan pilihanraya umum sebanyak tujuh kali daripada tahun 1959 hingga tahun 1986. Zaman ini adalah zaman komputer. Mungkin peraturan-peraturan lama diperlukan pada masa itu. Tetapi kita kini tinggal di dalam zaman komputer dan . sekiranya ada peraturan-peraturan yang tidak kena-mengena pada masa ini haruslah satu-satu undang-undang dipinda.

Saya amat keliru dengan Parti Pembangkang apabila mereka baru-baru ini menentang Akta Pilihanraya (Pindaan) ini di Dewan Rakyat. Merekalah yang sentiasa merayu kepada Kerajaan dan juga kepada Suruhanjaya Pilihanraya supaya melicinkan peraturan-peraturan untuk mengadakan satu pilihanraya dengan sempurna. Apabila ada satu peristiwa berlaku di Tanjong Puteri di mana mahkamah manutuskan bahawa di tengah perjalanan mengambil peti undi sudah berlaku penyelewengan, oleh sebab itu terpaksa diadakan satu lagi pilihanraya kecil di Tanjong Puteri di Johor Bahru. Pada masa itu Parti Pembangkang mengatakan bahawa Kerajaan Barisan Nasional adalah satu Kerajaan yang tidak jujur dan mereka menyalahkan Suruhanjaya Pilihanraya. Sekarang Kerajaan sudah sedar dan merasakan bahawa kita harus meminda Akta ini supaya melicinkan perjalanan pilihanraya yang akan datang.

Mereka yang hendakkan pemindaan ini dan apabila kita membentangkan pindaan-pindaan ini, pihak Pembangkang menentang. Ini adalah double standard oleh parti Pembangkang.

Kita sebagai warganegara Malaysia mesti berbangga kerana semenjak kita merdeka sudahpun 32 tahun, kita sudah adakan 7 pilihanraya umum. Ralau kita bandingkan dengan negara-negara di Asia Tenggara di mana mereka bukan beri ballot kepada warganegara, dia beri bullet kepada warganegara. Ini adalah satu negara yang benar-benar berpegang teguh kepada demokrasi berparlimen.

Oleh sebab itu, sebagai warganegara sesiapa pun jangan ragu-ragu atas pindaan ini. Pindaan ini adalah cuma untuk melicinkan kerja-kerja Suruhanjaya Pilihanraya yang bukan dikatakan pindaan ini supaya Ketua Rahagian ataupun Ketua Cawangan boleh ambil semua undi, dia boleh beri kepada satu-satu parti. Masa kita berikan kertas undi kepada rakyat dan ini cuma untuk melicinkan kerja-kerjanya. Apa salahnya kita mengirakan undi-undi di tempat kita mengundi kerana ini akan mengelakkan ketegangan penyokong-penyokong parti-partinya. Bukan aahaja kita terpaksa tunggu hingga pukul 1.00 pagi, kadang-kadang kita kena tunggu hingga pagi esoknya sekiranya pengiraan undi perlu diadakan tiga kali.

Kalau saya boleh beri satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, baru ini parti MIC mengadakan pilihanraya presiden di seluruh negara, pengandian habis pukul 12.00 tengahari tetapi pukul 2.00 petang seluruh negara sudahpun tahu siapa yang juaranya. Mungkin Suruhanjaya Pilihanraya boleh mencontohi **[Ketawa]** cara-cara MIC mengadakan pemilihan pr siden. Saya amat banggalah. Ini mengelakkan beberapa faktor. Mungkin kalau kita mengirakan undi di satu tempat, maklumlah raanusia ini ada yang berdarah tinggi, **[Ketawa]** dan macam-macam. Sekiranya ada satu-satu isu yang meletus, ini akan menghadapi satu pergaduhan. Ada berlaku, Tuan Yang di-Pertua, di

beberapa tempat di kawasan-kawasan di mana cara lama pengiraan undi diadakan di kawasan-kawasan bandar, perkara-perkara yang tidak diingini berlaku. Takkan kita tidak boleh belajar daripada satu peristiwa berdarah pada 13 Mei 1969 di mana mereka adakan demonstrasi-demonstrasi di jalanraya-jalanraya utama di Kuala Lumpur. Dengan sebab itu, kita sudah dapat satu pelajaran yang pahit. Kita sebagai pemitnpin yang bertanggungjawab perlu meminda undang-undangnya supaya menjaga anak-anak kita, waris-waris kita untuk hidup dengan sempurnanya. Oleh sebab itu, kita tidak boleh ada dua idea tnengenai pindaan ini.

Saya amat keliru dengan porti Pembangkang, dia menyokong Election Watch. . Apabila ahli-ahli di dalara Election Watch, mereka yang menentang Kerajaan, dia pun kata, ' "Oh, Election Watch ini betul-betul benar." Sekiranya ada ahli-ahli yang menyokong parti Kerajaan Barisan Nasional, dia kata, "Election Watch ini tidak boleh percaya." Dengan izin, why is the double standard?

Pihak DAP harus berani menghadapi sekiranya ada satu-satu pindaan yang boleh membawa kebaikan untuk negara, mereka harus sokong itu. Jangan menentang sesuatu kerana untuk menentang sahaja seperti dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Kita harus ingat kepada apa yang telati berlaku pada masa dahulu, Oleh sebab itu, kita sebagai warganegara yang bertanggungjawab harus menyokong pindaan ini untuk melicinkan kerja-kerja Suruhanjaya ini.

Ada yang mengatakan apabila undi itu dikira di tempat mengundi, Kerajaan boleh tahu siapa menentang dan siapa sokong, mungkin Kerajaan akan berheritikan segala kerja-kerja pembangunan . Ini tidak benar, Tuan Yang di-Pertua. Di kawasan Bata Laut daripada tahun 1974 hingga 1982, kawasan ini dimenangi oleh seorang ahli Bebas. Kerajaan Barisan Nasional telahpun bawa beberapa pembangunan di

kawasan itu. Sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat tidak tahu di mana kawasan Batu Laut, kawasan itulah saya jadi Ketua Cawangan.-

[Ketua] Ahli-ahli Yang Berhormat sila datang ke kawasan itu, boleh nampak betapa pesatnya pembangunan di kawasan Batu Laot di tana sudah ada jalanraya-jalanraya dan pembangunan-pembangunan fizikal dan lain-lainnya. Oleh sebab itu, janganlah memutarbelitkan orang ramai dengan mengatakan, "Oh, ini Kerajaan hendak tahu dia menangkan siapa, dia sokong siapa." Ini tidak benar. Pihak DAP pun sudah tahu dia sudah kosonglah. Tin kosong itu bunyinya. banyak. Tin kosong itu bunyi banyak, seraua orang sedia maklum.

Beberapa Ahli: Bunyi kuat.

Tuan C. Krishnan: Bunyi kuat, minta maaflah. [Ketawa] Yang bunyi kuat itu sentiasa kosong. Mereka katakan ini bukan negara Kilipina kita perlu adakan Election Watch dari Amerika Syarikat. Senator-senator dari Amerika Syarikat terjun ke Manila. Ini negara kita telah buktikan, kita telah buktikan daripada tahun 1959 hingga sekarang kita berpegang teguh kepada demokrasl berparlimen.-

[Tepuk] Jangan katakan kita perlu adakan Election Watch di sini. Mungkin Ahli-ahli Election Watch itu daripada golongan-golongan terpelajar, saya amat menghargai mereka, tetapi Encik. Chandra Muzaffar di dalam pilihanraya umum 1986, beliau mengeluarkan kenyataan supaya menyokong parti IWP tetapi tahun 1990....

Timbalan Yang di-Pertua: Minta maaf Yang Berhormat, panjang lagi ucapannya?

Tuan C. Krishnan: Tidak berapa panjang.

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh habiskannya terus?

Tuan C. Krishnan: Sambung esok.

Timbalan Yang di-Pertua: Mahu sambung esok. Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sehingga hari esok, Jumaat 23 Mac, 1990 mulai daripada pukul 3.00 petang.

Denan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.